

"DARI Ibnu Abbas Radhiallahuanhuma berkata :
Rasullullah Sallallahu Alaihi Wasallam telah memfardukan Zakat
Fitrah untuk membersihkan orang yang berpuasa daripada
segala perkataan-perkataan keji dan buruk (yang ia lakukan semasa
ia berpuasa)".
- (Riwayat Al-Imam Ibnu Majah).

MEMBUKAKAN PELUANG MENGUKUHKAN HUBUNGAN RAPAT NBD, REPUBLIK KOSOVO

Oleh : Hajah Siti Zuraiyah
Haji Awang Sulaiman

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 5 Mei.
- Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bertitah menyatakan bahawa lawatan Presiden Republik Kosovo, Puan Yang Terutama Datin Laila Utama Dr. Vjosa Osmani-Sadriu dan First Gentleman, Mr. Prindon Sadriu, menandakan satu peristiwa bersejarah yang mencerminkan hubungan yang semakin kukuh antara Negara Brunei Darussalam (NBD) dan Republik Kosovo.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan mengurniakan titah pada Majlis Santap Negara yang berlangsung di Istana Nurul Iman bagi meraikan Presiden Republik Kosovo, Puan Yang Terutama Datin Laila Utama Dr. Vjosa Osmani-Sadriu dan First Gentleman, Mr. Prindon Sadriu, yang mengadakan Lawatan Negara ke negara ini.
- Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas.

>> Muka 2

Berkenan menerima penganugerahan 'Order of Independence'

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 5 Mei.
- Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul

Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha binti Al-Marhum Pengiran Pemancha Pengiran Anak Haji Mohamed Alam hari ini berkenan menerima

mengadap Presiden Republik Kosovo, Puan Yang Terutama Dr. Vjosa Osmani-Sadriu dan First Gentleman, Mr. Prindon Sadriu ke Cheradi Laila Kenchana serta rombongan yang diadakan di Cheradi Laila Kenchana, Istana Nurul Iman.

>> Muka 6

YSHHB hulur sumbangan lebih BND119,000

Oleh : Pg. Syi'aruddin Pg. Dauddin

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 6 Mei.
- Penubuhan Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah (YSHHB) adalah sebagai wadah amal jariah atau derma khairat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda

Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan kerabat baginda, iaitu

sebagai tanda pemeduliaan dan kasih baginda kepada rakyat baginda di samping menjadi pembentukan masyarakat di Negara Brunei Darussalam (NBD) yang sejahtera dan makmur.

>> Muka 13

Memelihara bahan, sumber tempatan melalui Koleksi Bruneiana

Oleh : Saerah Haji Abdul Ghani

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 5 Mei.
- Projek Kolaboratif FOCAL (Forum of Chief Librarians) merupakan satu inisiatif murni yang menyatukan tenaga dan kepakaran daripada pelbagai pihak dalam usaha untuk memelihara serta mengembangkannya koleksi-koleksi bahan dan sumber tempatan

yang terdapat di negara ini melalui Koleksi Bruneiana.

Pengetua Pusat Sejarah Brunei (PSB), Dr. Haji Muhammad Hadi bin Muhammad Melayong menjelaskan, Koleksi Bruneiana bukan sahaja sekadar kompilasi bahan-bahan sejarah, budaya

dan warisan negara tetapi ia merupakan khazanah bernilai tinggi yang mencerminkan jati diri dan nilai-nilai kebangsaan kita sebagai anak Brunei.

>> Muka 18



Berita Utama



Membukakan peluang mengukuhkan hubungan rapat NBD, Republik Kosovo



KEBAWAHA Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan mengurniakan titah pada Majlis Santap Negara yang berlangsung di Istana Nurul Iman.

Oleh : Hajah Siti Zuraiyah Haji Awang Sulaiman
Foto : Mohamad Azmi Haji Awang Damit, Muhammad Asri Haji Awang Abas, Mohammad Hasif Matzin, Alishahrin Haji Mumin

Duli Yang Maha Mulia seterusnya bertitah bahawa NBD sentiasa menghargai pendekatan berprinsip dalam menyokong kemerdekaan penuh dan kedaulatan negara, berpandangan rasa hormat yang mendalam terhadap aspirasi rakyat.

Atas semangat inilah titah baginda, NBD memilih untuk mengiktiraf kemerdekaan Republik Kosovo pada 2012, dan bersama-sama menjalin hubungan diplomatik pada 2017.

Kebawah DYMM dalam titah juga berbesar hati berkenan menerima Anugerah 'Order of Independence', sebuah anugerah berprestij yang menjadi simbol persahabatan mesra antara kedua-dua buah negara.

Baginda bertitah, hubungan rapat antara NBD dan Republik

Kosovo membuka peluang bagi penglibatan yang lebih mendalam dalam semua peringkat, sekali gus mengukuhkan lagi hubungan yang telah lama terjalin.

Dalam hubungan itu, Kebawah DYMM gembira kedua-dua negara bersetuju bagi 'Visa Waiver Arrangement', yang akan memudahkan rakyat kedua-dua buah negara untuk melancong serta membuka jalan untuk meningkatkan kerjasama.

Mengakhiri titah, baginda berdoa semoga Allah Subhanahu Wata'ala mengurniakan PYT Presiden Republik Kosovo, dan First Gentleman, Mr. Prindon Sadriu, dengan kesihatan dan kebahagiaan yang berterusan, serta rakyat Republik Kosovo dengan keamanan, kemajuan dan kemakmuran.

>> Muka 1

Sejak mencapai kemerdekaan, Republik Kosovo titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah

mencapai kemajuan yang luar biasa dalam tadbir urus, pertumbuhan ekonomi dan meningkatkan kedudukan globalnya ke arah mewujudkan masa depan yang lebih makmur dan stabil untuk rakyatnya.

Pada Majlis Santap Negara yang

berlangsung di Istana Nurul Iman bagi meraikan Presiden Republik Kosovo, Puan Yang Terutama Datin Laila Utama Dr. Vjosa Osmani-Sadriu dan First Gentleman, Mr. Prindon Sadriu, yang mengadakan Lawatan Negara ke negara ini, Kebawah

WAKTU SEMBAHYANG										
MEI MASIHI	HARI	ZULKAEDAH HIJRAH	IMSAK	SUBUH	SYURUK	DUHA	ZUHUR	ASAR	MAGHRIB	ISYAK
7	RABU	9	4.36	4.46	6.07	6.31	12.18	3.37	6.26	7.39
8	KHAMIS	10	4.36	4.46	6.07	6.30	12.18	3.37	6.26	7.39
9	JUMAAT	11	4.36	4.46	6.07	6.30	12.18	3.38	6.26	7.39
10	SABTU	12	4.36	4.46	6.07	6.30	12.18	3.38	6.26	7.39
11	AHAD	13	4.35	4.45	6.07	6.30	12.18	3.38	6.26	7.39
12	ISNIN	14	4.35	4.45	6.07	6.30	12.18	3.39	6.27	7.40
13	SELASA	15	4.35	4.45	6.07	6.30	12.18	3.39	6.27	7.40

Waktu-waktu sembahyang bagi Daerah Tutong ditambah 1 minit dan Daerah Belait ditambah 3 minit

RAMALAN CUACA 3 HARI			
	RABU	KHAMIS	JUMAAT
Bandar Seri Begawan	33 26 °C	33 26 °C	33 26 °C
Pekan Bangar	33 26 °C	33 26 °C	33 26 °C
Pekan Tutong	33 26 °C	32 26 °C	33 26 °C
Kuala Belait	33 26 °C	33 26 °C	33 26 °C

Wallahuwal Bissawab
Sumber : Perkhidmatan Kaji cuaca Brunei Darussalam, Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi
www.mef.gov.bn

SIDANG PENGARANG

7 MEI 2025

Membina masjid disediakan ganjaran besar

MASJID merupakan sebaik-baik tempat di muka bumi kerana ia adalah rumah Allah Subhanahu Wata'ala, tempat yang suci, tempat berkumpulnya segala kebaikan, tempat orang-orang Islam beribadat dan mengabdikan diri kepada Allah Subhanahu Wata'ala. Dari masjid jugalah tempat bermulanya penyebaran dan pengukuhan syiar Islam yang berperanan sebagai pusat peribadatan, pusat ilmu pengetahuan, pusat kegiatan umat dan lain-lain lagi aktiviti kemasyarakatan. Sesuai dengan peranannya sebagai tempat ibadat dan menyeru manusia kepada ketakwaan dan menjauhi kemaksiatan, masjid hendaklah dibangunkan atas dasar takwa kepada Allah Subhanahu Wata'ala.

Sepertimana yang ditekankan dalam Khutbah Jumaat baru-baru ini bahawa orang-orang yang membina masjid disediakan ganjaran yang besar. Mereka yang menghulurkan sumbangan untuk membina masjid akan Allah Subhanahu Wata'ala dirikan untuknya rumah di syurga. Perkara ini selaras dengan sabda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam menerusi hadis yang diriwayatkan oleh Ibnu Majah, daripada Jabir bin Abdullah Radiallahuanhu, sesungguhnya Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda : "Siapa yang membina masjid kerana Allah sekalipun hanya seperti sarang burung atau lebih kecil maka Allah akan membina untuknya rumah di dalam syurga".

Dalam hal ini, kita amat dituntut untuk terlibat dalam sama-sama memberikan sumbangan dalam membiayai dan membina masjid yang merupakan pelaburan amal ataupun saham akhirat yang sangat besar ganjarannya.

Sehubungan itu, kita di negara ini digalakkan untuk menyumbang kepada Tabung Dana Pembinaan Masjid Negara Brunei Darussalam. Menerusi tabung ini, ia adalah wadah yang disediakan oleh kerajaan bagi memudahkan orang ramai khasnya rakyat dan penduduk negara ini untuk meraih ganjaran dalam membina masjid walau dalam jumlah yang sedikit. Hal ini kerana jumlah sumbangan kita walaupun kecil namun ia tetap besar di sisi Allah Subhanahu Wata'ala.

Semoga sumbangan yang kita hulurkan tersebut akan dapat digunakan bagi membina masjid baharu, membaik pulih dan menambah bangunan masjid. Di samping apa yang kita infakkan tersebut akan mendapat ganjaran pahala daripada Allah Subhanahu Wata'ala jua. *Amin Ya Rabbal Alamin.* – **Ketua Penyuntingan (Rd)**

Nota : Akhbar Pelita Brunei mengandungi ayat-ayat Al-Quran dan doa-doa. Sila letak akhbar ini di tempat yang sempurna dan terjaga

✉ pelita.brunei@information.gov.bn | ☎ 2382891 / 2383400 Smb. : 217 | 📠 2381004 | 🌐 www.pelitabrunei.gov.bn

دربیتکن اوله جابتن قراغن. جابتن قردان منتری دان دجیتق اوله قرینت قلس سنیدیرین برحد، نگارابرونی دارالسلام

Diterbitkan oleh Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri dan dicetak oleh Print Plus Sdn. Bhd., Negara Brunei Darussalam

MAJLIS SANTAP NEGARA BAGI MERAIKAN PRESIDEN REPUBLIK KOSOVO



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha binti Al-Marhum Pengiran Pemancha Pengiran Anak Haji Mohamed Alam serta paduka-paduka anakanda baginda berkenan berangkat ke Majlis Santap Negara bagi meraikan Presiden Republik Kosovo, Puan Yang Terutama Datin Laila Utama Dr. Vjosa Osmani-Sadriu dan First Gentleman, Mr. Prindon Sadriu yang mengadakan Lawatan Negara ke negara ini (atas dan bawah kanan). Manakala gambar atas kanan, ucapan balas daripada Puan Yang Terutama Presiden Republik Kosovo.



Oleh : Hajah Siti Zuraiyah Haji Awang Sulaiman
Foto : Mohamad Azmi Haji Awang Damit, Muhammad Asri Haji Awang Abas, Mohammad Hasif Matzin, Alishahrin Haji Mumin

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 5 Mei. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha binti Al-Marhum Pengiran Pemancha Pengiran Anak Haji Mohamed Alam berkenan berangkat ke Majlis Santap Negara bagi meraikan Presiden Republik Kosovo, Puan Yang Terutama Datin Laila Utama Dr. Vjosa Osmani-Sadriu dan First Gentleman, Mr. Prindon Sadriu yang mengadakan Lawatan Negara ke negara ini.

Berangkat sama, paduka-paduka anakanda dan adinda Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah binti Pengiran Haji Salleh Ab. Rahaman; Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Malik, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisura Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah dan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Digadong Sahibul Mal Pengiran Muda Haji Jefri Bolkiah.

Juga berangkat, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Rashidah Sa'adatul Bolkiah, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Majeedah Nuurul Bolkiah, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Hafizah Sururul Bolkiah, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Masna dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Amal Umi Kalthum Al-Islam. Majlis Santap Negara yang diadakan di Istana Nurul Iman berkenaan dimulakan dengan bacaan Doa Selamat oleh Mufti Kerajaan, Yang Berhormat Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia (Dr.) Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned. Kebawah Duli Yang Maha



Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan mengurniakan titah, diikuti dengan ucapan balas daripada Puan Yang Terutama Presiden Republik Kosovo.

>> Muka 4



BERANGKAT sama, paduka-paduka anakanda dan adinda Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam (atas dan kiri).

DOA Selamat dibacakan oleh Yang Berhormat Mufti Kerajaan (bawah). Sementara gambar kanan dan kanan sekali, antara yang hadir pada majlis tersebut.





KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri serta kerabat diraja berkenan berangkat ke Majlis Santap Negara bagi meraikan Puan Yang Terutama Presiden Republik Kosovo dan First Gentleman, Mr. Prindon Sadriu.

>> Muka 3

PYT Datin Laila Utama Dr. Vjosa Osmani-Sadriu dalam ucapan balasnya menzahirkan penghargaan yang mendalam atas sambutan luar biasa yang diberikan kepada delegasi Republik Kosovo, serta penghormatan berterusan yang ditunjukkan terhadap negara dan rakyatnya.

PYT Datin Laila Utama menyembahkan bahawa ia

merupakan satu penghormatan besar dapat mengadakan lawatan ke Negara Brunei Darussalam (NBD), lebih-lebih lagi sebagai pemimpin Republik Kosovo yang pertama yang mengadakan lawatan negara ke NBD.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia dan NBD sembah PYT lagi, merupakan antara rakan yang berdiri bersama Republik Kosovo dalam masa sukar dan masa senang mereka.

"Hari ini, saya membawa

bersama harapan rakyat saya, harapan untuk hubungan baharu antara belia kita, harapan untuk berkongsi peluang dalam bidang-bidang yang menjadi kepentingan bersama, dari pendidikan hinggalah inovasi, dan harapan untuk persahabatan yang menjangkau seluruh budaya dan benua", sembah PYT.

Mengakhiri ucapannya, PYT menzahirkan ucapan penghargaan Kehadapan Majlis

Kebawah DYMM dan Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Raja Isteri atas jemputan serta sokongan dan kepimpinan yang dihulurkan.

PYT berdoa semoga hubungan persahabatan antara Republik Kosovo dan NBD akan bertambah kukuh pada tahun - tahun mendatang, yang dibina atas kepercayaan, dan matlamat yang sama serta saling hormat menghormati.

NBD dan Republik Kosovo mula menjalinkan hubungan diplomatik pada 20 Februari 2017.

Kebawah DYMM dan PYT telah mengadakan Majlis Perjumpaan Dua Hala buat pertama kalinya pada atur cara sampingan semasa Sidang Kemuncak Summit of the Future yang diadakan pada 23 September 2024 di New York, Amerika Syarikat.



KEBAWAH DYMM berkenan bersalaman dengan PYT Presiden Republik Kosovo (atas kiri), manakala gambar bawah kiri, baginda bersama paduka-paduka anakanda baginda berkenan mengucapkan selamat jalan kepada PYT Presiden Republik Kosovo bersama suami sejurus Majlis Santap Negara. Sementara gambar atas kanan, baginda berbual mesra bersama para peserta yang menyertai persembahan orkestra. Gambar bawah kanan, antara persembahan pada majlis berkenaan.



NBD - REPUBLIK KOSOVO MENEROKA KERJASAMA EKONOMI, HUBUNGAN RAKYAT



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat ke Majlis Perjumpaan Dua Hala (atas), manakala gambar kiri, baginda berkenan menandatangani Agreement between the Republic of Kosovo and the Government of His Majesty the Sultan and Yang Di-Pertuan of Brunei Darussalam on Visa Exemption for Ordinary, Diplomatic and Official Passports bersama Presiden Republik Kosovo, Puan Yang Terutama Dr. Vjosa Osmani-Sadriu.

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid
Foto : Mohamad Azmi Haji Awang Damit, Muhammad Asri Haji Awang Abas, Mohammad Hasif Matzin, Alishahrin Haji Mumin

Majlis Perjumpaan Dua Hala berkenaan antara lainnya membincangkan isu dua hala dan antarabangsa yang mempunyai kepentingan bersama, khususnya, meneroka cara untuk meningkatkan kerjasama ekonomi dan hubungan rakyat dengan rakyat antara kedua-dua buah negara terutama sekali penandatanganan Visa Waiver Agreement yang akan memudahkan serta membuka

jalannya bagi meningkatkan kerjasama antara kedua-dua negara. between the Republic of Kosovo and the Government of His Majesty the Sultan and Yang Di-Pertuan of Brunei Darussalam on Visa Exemption for Ordinary, Diplomatic and Official Passports bersama PYT Presiden Republik Kosovo.

BANDAR SERI BEGAWAN, Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan mengadakan Majlis Perjumpaan Dua Hala dengan Presiden Republik Kosovo, Puan Yang Terutama Dr. Vjosa Osmani-Sadriu di Cheradi Ratna Kenchana, Istana Nurul Iman.



SUASANA Majlis Perjumpaan Dua Hala yang berlangsung di Cheradi Ratna Kenchana, Istana Nurul Iman (atas dan bawah kanan).



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia berkenan bersalaman dengan PYT Presiden Republik Kosovo.



BERKENAN MENERIMA PENGANUGERAHAN 'ORDER OF INDEPENDENCE'



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha binti Al-Marhum Pengiran Pemancha Pengiran Anak Haji Mohamed Alam berkenan menerima mengadap Presiden Republik Kosovo, Puan Yang Terutama Dr. Vjosa Osmani-Sadriu dan First Gentleman, Mr. Prindon Sadriu ke Cheradi Laila Kenchana, Istana Nurul Iman (atas kiri dan atas kanan). Manakala gambar bawah kiri, baginda berkenan mengurniakan Bintang Kebesaran Negara Brunei Darussalam 'Darjah Kerabat Laila Utama Yang Amat Dihormati (D.K)' kepada PYT Presiden Republik Kosovo yang membawa gelaran 'Datin Laila Utama'.



>> Muka 1

Berangkat sama ke Majlis Mengadap berkenaan ialah kerabat diraja.

Juga hadir ialah rombongan Republik Kosovo dan Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Abdul Manaf bin Haji Metussin, selaku Menteri Pengiring serta isteri.

Majlis Mengadap berkenaan diikuti dengan Majlis Penganugerahan 'Order


Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid
Foto : Mohamad Azmi Haji Awang Damit, Muhammad Asri Haji Awang Abas, Mohammad Hasif Matzin, Alishahrin Haji Mumin

of Independence' yang dipersembahkan oleh PYT Presiden Republik Kosovo Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia juga berkenan mengurniakan Bintang Kebesaran Negara Brunei

Darussalam 'Darjah Kerabat Laila Utama Yang Amat Dihormati (D.K)' kepada PYT Presiden Republik Kosovo yang membawa gelaran 'Datin Laila Utama'.

Doa Selamat dibacakan oleh Mufti Kerajaan, Yang Berhormat Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia (Dr.) Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned.



MAJLIS Penganugerahan 'Order of Independence' yang dipersembahkan oleh PYT Presiden Republik Kosovo Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam (atas kiri). Sementara gambar atas kanan, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri berkenan bergambar bersama PYT Presiden Republik Kosovo dan First Gentleman, Mr. Prindon Sadriu. Manakala gambar bawah, Doa Selamat dibacakan oleh Yang Berhormat Mufti Kerajaan.



BERANGKAT MENGALU-ALUKAN KETIBAAN PRESIDEN REPUBLIK KOSOVO



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha binti Al-Marhum Pengiran Pemancha Pengiran Anak Haji Mohamed Alam berkenan berangkat mengalu-alukan kedatangan Presiden Republik Kosovo, Puan Yang Terutama Dr. Vjosa Osmani-Sadriu dan First Gentleman, Mr. Prindon Sadriu dan seterusnya sama-sama naik ke Pentas Khas untuk menerima Tabik Hormat diiringi dengan Lagu Kebangsaan kedua-dua buah negara (atas). Manakala gambar atas kiri, Kebawah Duli Yang Maha Mulia berkenan memeriksa Barisan Kawalan Kehormatan bersama Puan Yang Terutama Dr. Vjosa Osmani-Sadriu.

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid
Foto : Mohamad Azmi Haji Awang Damit, Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid, Muhammad Asri Haji Awang Abas, Mohammad Hasif Matzin, Alishahrin Haji Mumin

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 5 Mei. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha binti Al-Marhum Pengiran Pemancha Pengiran Anak Haji Mohamed Alam, hari ini berkenan mengalu-alukan kedatangan Presiden Republik Kosovo, Puan Yang Terutama Dr. Vjosa Osmani-Sadriu dan First Gentleman, Mr. Prindon Sadriu serta rombongan yang berada di Negara Brunei Darussalam (NBD) bagi mengadakan Lawatan Negara selama tiga hari.

Terdahulu sebelum itu, paduka anakanda Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri (JPM), selaku

PYT Presiden Republik Kosovo semasa diperkenalkan kepada kerabat diraja dan Menteri-menteri Kabinet (kanan dan kanan sekali).

wakil peribadi Kebawah Duli Yang Maha Mulia dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah binti Pengiran Haji Salleh Ab. Rahaman berangkat ke Istana Edinburgh bagi mengalu-alukan PYT Presiden Republik Kosovo dan suami dan seterusnya berangkat bersama - sama menuju ke Istana Nurul Iman.

Di sepanjang jalan menuju ke Istana Nurul Iman, PYT Presiden Republik Kosovo dan First Gentleman disambut dengan pengibaran bendera kecil kedua-dua buah negara oleh para penuntut dan guru-guru daripada

beberapa buah sekolah kerajaan dan swasta.

Di pekarangan Istana Nurul Iman, Kebawah DYMM dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri berkenan berangkat mengalu-alukan ketibaan PYT Presiden Republik Kosovo dan suami dan seterusnya sama-sama naik ke Pentas Khas untuk menerima Tabik Hormat diiringi dengan Lagu Kebangsaan kedua-dua buah negara, diikuti dengan tembakan meriam sebanyak 21 das.

Kedua - dua pemimpin kemudiannya beredar memeriksa Barisan Kawalan Kehormatan yang terdiri daripada anggota Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB).

Majlis Sambutan Negara

diteruskan dengan PYT Presiden Republik Kosovo dan suami diperkenalkan kepada kerabat diraja, Yang Amat Mulia Pengiran - pengiran Cheteria, Penasihat Khas Kebawah DYMM, Menteri-menteri Kabinet; Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Di-Raja, Timbalan - timbalan Menteri; Pemerintah ABDB, Pemangku Pesuruhjaya Polis, Pasukan Polis Diraja Brunei (PPDB); Ketua- ketua Perwakilan Asing di NBD, Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negara dan

Setiasaha-setiasaha Tetap dari JPM dan Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri.

Kebawah DYMM kemudiannya disembahkan kepada ahli-ahli rombongan rasmi Republik Kosovo termasuk the Chief of Staff, Office of the President of the Republic of Kosovo dan penasihat-penasihat daripada Office of the President of the Republic of Kosovo.

Lawatan Negara ini menandakan lawatan sulung PYT ke NBD.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam disembahkan kepada ahli-ahli rombongan rasmi Republik Kosovo termasuk the Chief of Staff, Office of the President of the Republic of Kosovo dan penasihat-penasihat daripada Office of the President of the Republic of Kosovo (kiri). Sementara gambar bawah tengah, antara penuntut yang menyertai pengibaran bendera kecil kedua-dua buah negara. Manakala gambar bawah kanan, sebanyak 21 das tembakan meriam dilepaskan.



PRESIDEN REPUBLIK KOSOVO AKHIRI LAWATAN NEGARA



PRESIDEN Republik Kosovo, Puan Yang Terutama Datin Laila Utama Dr. Vjosa Osmani-Sadriu dan suami, First Gentleman Republik Kosovo, Mr. Prindon Sadriu berserta rombongan berlepas meninggalkan negara ini setelah menamatkan Lawatan Negara selama tiga hari (atas, atas kanan dan bawah kanan).

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 6 Mei. - Presiden Republik Kosovo, Puan Yang Terutama Datin Laila Utama Dr. Vjosa Osmani-Sadriu dan suami, First Gentleman Republik Kosovo, Mr. Prindon Sadriu berserta rombongan berlepas meninggalkan negara ini setelah menamatkan Lawatan Negara selama tiga hari.

Hadir bagi mengucapkan selamat berlepas kepada Puan Yang Terutama Datin Laila Utama

Dr. Vjosa Osmani-Sadriu dan suami di Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei (LTAB) ialah Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Abdul Manaf bin Haji Metussin selaku Menteri Pengiring dan isteri, Datin Paduka Dr. Hajah Norlila binti Dato Paduka Haji Abdul Jalil.

Turut hadir, Menteri Kesehatan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohammad Isham bin Haji Jaafar dan isteri serta Menteri

Hal Ehwal Luar Negeri II, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Erywan bin Pehin Datu Pekerma Jaya Haji Mohd. Yusof dan isteri.

Juga hadir, Pemerintah Angkatan Bersenjata Diraja Brunei, Mejar Jeneral Dato Paduka Seri Haji Muhammad Haszaimi bin Bol Hassan dan isteri serta Pemangku Pesuruhjaya Polis Diraja Brunei, Dato Seri Pahlawan Awang Sulaiman bin Alidin dan isteri.

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid
Foto : Hernie Suliana Haji Othman



First Gentlemen Republik Kosovo adakan lawatan ke AP ABDB

Oleh : Hajah Siti Zuraiyah Haji Awang Sulaiman
Foto : Alishahrin Haji Mumin



TANAH JAMBU, Selasa, 6 Mei. - Akademi Pertahanan Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (AP ABDB) menerima Lawatan Rasmi daripada First Gentleman Republik Kosovo, Mr. Prindon Sadriu.

Ketibaan Mr. Prindon Sadriu di Dewan Istiadat AP ABDB dialu-alukan oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan II, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Halbi bin Haji Mohd. Yusoff.

Turut hadir, Ahli-ahli Jawatankuasa Eksekutif Pertahanan, pengarah-pengarah dan pegawai-pegawai kanan Kementerian Pertahanan.

Lawatan dimulakan dengan ucapan alu-aluan oleh Komandan AP ABDB, diikuti dengan sesi

taklimat mengenai struktur organisasi dan peranan Kementerian Pertahanan dan ABDB serta pembentangan mengenai Kertas Putih Pertahanan 2021.

Sesi tersebut diakhiri dengan taklimat mengenai organisasi Akademi Pertahanan, yang menekankan sejarah penubuhan, evolusi akademi, serta peranan pentingnya dalam membentuk pendidikan ketenteraan profesional serta rancangan masa depan institusi berkenaan.

Mr. Prindon Sadriu kemudiannya meneruskan lawatan ke beberapa fasiliti utama di akademi dan mengadakan interaksi bersama para peserta Kursus Maktub Turus dan Pusat Kepimpinan dan Pengurusan. Lawatan tersebut



AKADEMI Pertahanan Angkatan Bersenjata Diraja Brunei semasa menerima Lawatan Rasmi daripada First Gentleman Republik Kosovo, Mr. Prindon Sadriu (atas, atas kiri dan bawah kanan).

diakhiri dengan sesi bergambar ramai.

Mr. Prindon Sadriu merupakan seorang Leftenan Kolonel dalam Reserves Component of the Kosovo Security Forces (KSF) dan mempunyai pengalaman ketenteraan di dalam KSF dan the Royal Australian Armoured Corps.

First Gentlemen Republik Kosovo, Mr. Prindon Sadriu berada di Negara Brunei Darussalam sebagai sebahagian daripada Lawatan Negara oleh Presiden Republik Kosovo, Puan Yang Terutama Datin Laila Utama Dr. Vjosa Osmani-Sadriu yang berada di negara ini dari 4 Mei hingga 6 Mei 2025.



LAWATAN PRESIDEN REPUBLIK KOSOVO KE MUZIUM ALAT KEBESARAN DIRAJA

Oleh : Khartini Hamir

Foto : Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 6 Mei. - Presiden Republik Kosovo, Puan Yang Terutama Datin Laila Utama Dr. Vjosa Osmani-Sadriu dan First Gentleman, Mr. Prindon Sadriu serta rombongan pagi tadi mengadakan lawatan ke Muzium Alat Kebesaran Diraja sempena Lawatan Negara tiga hari Puan Yang Terutama ke negara ini.

Ketibaan rombongan Presiden Republik Kosovo dialu-alukan oleh Menteri Kebudayaan, Belia dan

Sukan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Haji Awang Nazmi bin Haji Awang Mohamad dan isteri.

Turut hadir, Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Abdul Manaf bin Haji Metussin selaku Menteri Pengiring dan isteri.

Sebelum memulakan lawatan, PYT bersama suami dan rombongan bergambar ramai dan seterusnya diberikan penerangan

ringkas mengenai penubuhan dan fungsi galeri berkenaan.

Antara yang menarik perhatian PYT dan rombongan ialah Galeri Alat-alat Kebesaran Diraja dalam Istiadat Perpustakaan yang mempamerkan alat-alat kebesaran diraja yang digunakan semasa Istiadat Perpustakaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanalk Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam pada 1 Ogos 1968.

Kawasan berkenaan juga mempamerkan Usongan Diraja yang telah digunakan sebagai kenaikan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Juga terdapat di muzium berkenaan ialah galeri-galeri pameran yang sebahagian



besarnya mempamerkan alat-alat kebesaran dan perhiasan diraja yang diwarisi sejak turun-temurun dan zaman-berzaman sebagai lambang kebesaran Kerajaan Negara Brunei Darussalam.

Muzium Alat Kebesaran Diraja dirasmikan pada 30 September 1992 oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia, bersempena Majlis Sambutan Jubli Perak 25 Tahun Kebawah DYMM menaiki takhta.

Reka bentuk bangunan Muzium Alat Kebesaran Diraja

menggabungkan ciri-ciri konsep Melayu Islam Beraja (MIB) yang telah menjadi salah satu mercu tanda di negara ini dalam mempamerkan alat-alat kebesaran dan perhiasan diraja NBD.

Selain itu juga terdapat beberapa galeri lain seperti Galeri Pameran Diraja, Pameran Jubli Perak, dan Pameran Jubli Emas : Lima Dekad di Atas Takhta Kerajaan.

Sebelum mengakhiri lawatan, PYT berkesudian menandatangani buku lawatan.



PRESIDEN Republik Kosovo, Puan Yang Terutama Datin Laila Utama Dr. Vjosa Osmani-Sadriu dan First Gentleman, Mr. Prindon Sadriu serta rombongan semasa mengadakan lawatan ke Muzium Alat Kebesaran Diraja (kiri dan atas kanan).

Presiden Republik Kosovo adakan lawatan ke UBD

Oleh : Saerah Haji Abdul Ghani

Foto : Mohamad Azmi Haji Awang Damit



TUNGKU LINK, Selasa, 6 Mei. - Presiden Republik Kosovo, Puan Yang Terutama Datin Laila Utama Dr. Vjosa Osmani-Sadriu dan First Gentleman, Mr. Prindon Sadriu pagi tadi mengadakan lawatan ke Universiti Brunei Darussalam (UBD) sebagai sebahagian daripada Lawatan Negara selama tiga hari ke Negara Brunei Darussalam (NBD).

Ketibaan Puan Yang Terutama Presiden Republik Kosovo dan First Gentleman di Pusat Seni Pro-Canselor, UBD dialu-alukan oleh Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Abdul Manaf bin Haji Metussin; Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Ahmaddin bin Haji Abdul Rahman yang juga selaku Pemangku Menteri Pendidikan serta Naib

Canselor UBD, Dr. Hazri bin Haji Kifle.

PYT Presiden Republik Kosovo semasa menyampaikan Kuliah Terkemuka bertajuk 'The Development of Kosovo and Moving Forward to Achieve the Country's Vision for a Better Kosovo' berhasrat melalui kuliah terkemuka tersebut akan dapat meningkatkan lagi minat semua terhadap Republik Kosovo malahan juga terhadap rantainya.

Melalui kisah sejarah Republik Kosovo, PYT percaya ia memberi impak kepada semua bukan sahaja di benua Eropah tetapi juga dalam hubungan antarabangsa secara keseluruhan.

PYT juga berharap akan dapat meneruskan kerjasama kukuh bersama NBD, begitu juga dengan rakan kongsi di seluruh dunia seterusnya memberi peluang untuk membalas kebaikan dan



PRESIDEN Republik Kosovo, Puan Yang Terutama Datin Laila Utama Dr. Vjosa Osmani-Sadriu menanam pokok peringatan (kiri), manakala gambar atas, Puan Yang Terutama Presiden Republik Kosovo menyampaikan Kuliah Terkemuka semasa mengadakan lawatan ke Universiti Brunei Darussalam.

membantu mereka yang kini memerlukan.

Terdahulu, Penolong Naib Canselor (Hal Ehwal Global), Dr. Joyce Teo Siew Yean dalam ucapan alu-aluannya menekankan bahawa kuliah terkemuka seumpama ini akan menjadi platform yang berguna bagi memupuk penciptaan ilmu yang komprehensif dan mencetuskan idea-idea baharu.

Acara tersebut diakhiri dengan penyampaian cenderahati penghargaan daripada UBD serta sesi bergambar ramai. Turut hadir pada acara tersebut ialah pegawai-pegawai kanan NBD, ahli pengurusan kanan UBD serta para pelajar.

Sejurus selepas Kuliah Terkemuka, PYT Presiden Republik Kosovo dan First Gentleman meneruskan lawatan

ke Pusat Penyelidikan Botani (BRC) UBD.

Pada lawatan tersebut, PYT Presiden Republik Kosovo juga menanam pokok peringatan dengan nama saintifik Hopea Pentanervia Symington ex GHS Wood. Ia merupakan pokok kanopi tropika yang boleh tumbuh sehingga 35 meter tinggi, dengan diameter batang sehingga 1 meter.

Pokok tersebut biasanya mempunyai akar banir di pangkalnya dan ia berasal dari kawasan utara dan barat laut Borneo (NBD dan Malaysia) yang biasanya ditemui di hutan paya gambut serta hutan Kerangas.

Kayu kerasnya boleh digunakan untuk kayu balak di mana spesies ini diklasifikasikan sebagai *vulnerable* dalam Senarai Merah IUCN disebabkan oleh

penebangan hutan untuk pertanian terutama ladang kelapa sawit, pembalakan dan kemerosotan habitat.

Sementara itu, BRC dirasmikan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanalk Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam pada 3 Februari 2018 dan ditubuhkan bersempena Simposium Antarabangsa Pertama mengenai Etnobotani dalam Al-Quran dan Hadis – Eksplorasi.

BRC terlibat dalam penyelidikan translasi yang memberi tumpuan kepada tumbuhan ubatan, dengan penemuan yang memberi manfaat kepada masyarakat umum, termasuk pengamal herba, penyelidik dan pelajar.

MASJID OMAR 'ALI SAIFUDDIEN JADI TUMPUAN LAWATAN PRESIDEN REPUBLIK KOSOVO



MASJID Omar 'Ali Saifuddien menerima kunjungan hormat daripada Presiden Republik Kosovo, Puan Yang Terutama Datin Laila Utama Dr. Vjosa Osmani-Sadriu dan First Gentleman, Mr. Prindon Sadriu serta rombongan (atas dan kanan).

Oleh : Khartini Hamir

Foto : Ak. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 5 Mei. - Keunikan seni bina Masjid Omar 'Ali Saifuddien menjadikan masjid berkenaan sebagai mercu tanda ikonik negara dan antara daya tarikan utama kepada para pelancong yang berkunjung ke Negara Brunei Darussalam (NBD).

Masjid yang terletak megah di tengah-tengah ibu kota ini mula dibina pada 1 Jamadilakhir 1372 Hijrah bersamaan 4 Februari 1954 Masihi dan telah dirasmikan oleh Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien ibni Al-Marhum Sultan Muhammad Jamalul Alam pada 26 September 1958.

Masjid ini merupakan cetusan idea Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien sebagai simbol

kepercayaan teguh rakyat terhadap agama Islam serta lambang identiti pemerintahan Melayu Islam Beraja (MIB) di negara ini.

Pada petang tadi, Masjid Omar 'Ali Saifuddien telah menerima kunjungan hormat daripada Presiden Republik Kosovo, Puan Yang Terutama Datin Laila Utama Dr. Vjosa Osmani-Sadriu dan First Gentleman, Mr. Prindon Sadriu serta rombongan.

Puan Yang Terutama Datin Laila Utama Presiden Republik Kosovo sedang dalam rangka lawatan rasmi ke NBD selama tiga hari, bermula 4 hingga 6 Mei 2025.

Ketibaan Puan Yang Terutama Datin Laila Utama dan rombongan telah dialu-alukan oleh Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka



Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman, bersama isteri.

Turut hadir, Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Abdul Manaf bin Haji Metussin selaku Menteri Pengiring dan isteri.

Hadir sama, Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Mulia Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohammad Tashim bin Pengiran Haji Hassan dan isteri.

Setibanya di masjid, PYT Datin Laila Utama serta suami berkesempatan menyaksikan tayangan klip video mengenai sejarah dan pembangunan Masjid Omar 'Ali Saifuddien, sebelum meneruskan lawatan ke sekitar kawasan masjid.

Acara turut diserikan dengan

sesi menandatangani buku lawatan oleh PYT Datin Laila Utama, diikuti dengan penyampaian cenderamata kenang-kenangan yang disampaikan oleh Yang Berhormat

Menteri Hal Ehwal Ugama.

Lawatan rasmi ini diyakini akan mengukuhkan lagi hubungan persahabatan dan kerjasama dua hala antara NBD dan Republik Kosovo.



PUAN Yang Terutama Datin Laila Utama Presiden Republik Kosovo dan First Gentleman serta rombongan menyaksikan tayangan klip video mengenai sejarah dan pembangunan Masjid Omar 'Ali Saifuddien, sebelum meneruskan lawatan ke sekitar kawasan masjid.

منوجو كريضاءن الله

MENUJU KEREDAAAN ALLAH

كلولان قوسمة دعوه اسلاميه

REZEKI merupakan salah satu perkara yang sering menjadi perbualan dalam kehidupan manusia. Setiap insan menginginkan rezeki yang luas, berkah dan mencukupi. Namun, Islam mengajarkan bahawa rezeki bukan hanya sekadar soal usaha duniawi akan tetapi juga berkait rapat dengan hubungan kita kepada Allah. Ada beberapa amalan yang dapat menjadikannya asbab turunnya rezeki.

Istighfar, taubat

Amalan istighfar adalah salah satu pintu rezeki yang paling utama. Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Nuh, ayat 10 - 12, yang terjemahan makna ayatnya :

"Maka Aku berkata (kepada mereka) : "Mohonlah ampun kepada Tuhan kamu, sesungguhnya Dia adalah Maha Pengampun". "(Jika kamu berbuat demikian), nescaya Dia akan mencurahkan hujan yang lebat kepada kamu". "Dan Dia membanyakkkan harta dan anak-anak kamu dan Dia akan mengadakan untuk kamu kebun-kebun serta mengadakan untuk kamu sungai-sungai (yang mengalir di dalamnya)".

Beristighfar dengan penuh keikhlasan dan disertai dengan taubat nasuha yang tulus dapat membuka pintu keberkatan dalam hidup, termasuk dalam aspek rezeki.

Bersedekah

Sedekah adalah amalan sunnah yang menjadi asbab dilipatgandakannya rezeki. Imam Muslim dalam kitab sahihnya meriwayatkan daripada Abu Hurairah

Menjemput rezeki dengan amalan yang baik

Radhiallahuanhu, Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda yang bermaksud :

"Harta tidak akan berkurang kerana sedekah. Dan seorang hamba yang memberi maaf kepada orang lain, pasti Allah akan menambahkan kemuliaan baginya. Dan seseorang yang merendahkan diri kerana Allah, pasti Allah akan meninggikan darjatnya".

Dengan bersedekah, bukan sahaja rezeki menjadi berlipat ganda, tetapi jiwa juga akan merasa lebih lapang dan bahagia.

Menjaga silaturahmi

Menjaga hubungan baik dengan keluarga, sahabat, dan orang-orang di sekeliling kita juga termasuk salah satu amalan baik yang boleh membuka pintu rezeki. Imam Al-Bukhari dalam kitab sahihnya meriwayatkan daripada Anas bin Malik Radhiallahuanhu, Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda yang bermaksud :

"Barang siapa yang ingin dilapangkan rezekinya dan dipanjangkan umurnya, maka hendaklah dia menyambung tali silaturahmi".

Silaturahmi bukan sekadar menambah rezeki dalam bentuk harta tetapi juga membawa keberkatan dalam hidup.

Bangun awal dan Sembahyang Sunat Duha

Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam menganjurkan umatnya untuk bangun awal dan memanfaatkan waktu pagi dengan sebaik-baiknya. Salah satu amalan yang amat digalakkan ialah Sembahyang Sunat Duha. Imam Muslim dalam kitab sahihnya meriwayatkan daripada Anas bin Malik Radhiallahuanhu, Rasulullah

Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda yang bermaksud :

"Pada pagi hari, setiap persendian salah seorang di antara kamu harus bersedekah. Maka setiap bacaan tasbih adalah sedekah, setiap bacaan tahmid adalah sedekah, setiap bacaan tahlil adalah sedekah dan setiap bacaan takbir adalah sedekah. Begitu juga amar ma'ruf (memerintahkan kepada ketaatan) dan nahi mungkar (melarang dari kemungkaran) adalah sedekah. Semua itu tercukupkan dengan dua rakaat sembahyang yang dilakukan di waktu Duha".

Sembahyang Sunat Duha diyakini sebagai salah satu amalan yang dapat melapangkan pintu rezeki dan membawa ketenangan jiwa.

Banyak berdoa

Doa adalah senjata orang beriman. Dalam urusan rezeki, berdoa kepada Allah dengan penuh keyakinan, keikhlasan dan tawakal dapat membuka pintu rezeki yang tidak disangka-sangka. Doa merupakan cara untuk memohon kepada Allah agar diberi kemudahan dalam segala urusan, baik dalam mencari rezeki, perniagaan, pekerjaan atau kehidupan sehari-hari.

Selain itu, doa juga berfungsi untuk meminta rezeki yang halal dan berkat. Rezeki yang datang daripada Allah yang halal dan berkat membawa kebahagiaan, ketenangan dan tidak mendatangkan mudarat.

Justeru itu, berdoalah dengan konsisten dan iringi doa dengan usaha yang bersungguh-sungguh.

Bersyukur kepada Allah

Syukur adalah magnet rezeki yang paling kuat. Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Ibrahiim, ayat 7 yang

terjemahan makna ayatnya :

"Dan (ingatlah) ketika Tuhan kamu memberitahu (dengan sejelas-jelasnya) : "Demi sesungguhnya jika kamu bersyukur (terhadap segala nikmat-ku) tentu Aku akan menambah nikmat itu kepada kamu dan demi sesungguhnya jika kamu kufur (terhadap nikmat itu) maka sesungguhnya azab-Ku sangat keras".

Dengan mensyukuri setiap nikmat yang diberikan, Allah akan menambah rezeki kita, sama ada dalam bentuk harta, kesihatan atau kebahagiaan.

Akhirnya, rezeki adalah anugerah daripada Allah Subhanahu Wata'ala yang bukan sahaja berbentuk harta akan tetapi juga kesihatan, ketenangan, keluarga bahagia dan kemudahan dalam kehidupan. Dalam Islam, menjemput rezeki bukan sekadar berusaha secara fizikal akan tetapi juga melalui amalan-amalan baik yang mendatangkan keberkatan. Amalan seperti bertakwa kepada Allah, beristighfar, bersedekah, mengeratkan silaturahmi, menunaikan Sembahyang Sunat Duha serta mengamalkan doa dan zikir boleh membuka pintu rezeki dengan lebih luas. Selain itu, menjauhi perkara haram, mengutamakan kejujuran dalam pekerjaan dan bersyukur atas nikmat yang ada juga menjadi kunci untuk menjemput rezeki yang berkat.

Oleh itu, usaha dan doa perlu berjalan seiring kerana rezeki yang berkat bukan sekadar banyak akan tetapi juga memberi ketenangan hati dan kesejahteraan dalam hidup. Dengan mengamalkan perkara-perkara yang baik, insyaaAllah rezeki akan datang dalam pelbagai bentuk yang tidak disangka-sangka.

BKISHHB TUMPUAN LAWATAN PRESIDEN REPUBLIK KOSOVO



KEDATANGAN Presiden Republik Kosovo, Puan Yang Terutama Datin Laila Utama Dr. Vjosa Osmani-Sadriu dan rombongan dialu-alukan oleh Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan II selaku Pengerusi Lembaga Penasihat Balai Khazanah Islam Sultan Haji Hassanal Bolkiah (BKISHHB).

Oleh : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi
Foto : Hernie Suliana Haji Othman

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 5 Mei. - Balai Khazanah Islam Sultan Haji Hassanal Bolkiah (BKISHHB) menjadi tumpuan dan salah satu destinasi termasuk dalam program Lawatan Negara Presiden Republik Kosovo, Puan Yang Terutama Datin Laila Utama Dr. Vjosa Osmani-Sadriu dan First Gentleman, Mr. Prindon Sadriu berserta rombongan pada kali ini.

Kedatangan Presiden Republik Kosovo dan rombongan di sini dialu-alukan oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan II, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Halbi bin Haji Mohd. Yusof, selaku Pengerusi Lembaga Penasihat BKISHHB.

Puan Yang Terutama Datin Laila Utama Dr. Vjosa Osmani - Sadriu kemudian menandatangani buku kedatangan lawatan dan seterusnya menerima cenderamata.

Setelah itu, Presiden Republik Kosovo berkesempatan membuat lawatan ke galeri balai berkenaan sambil diberikan taklimat oleh Pengarah BKISHHB, Dr. Haji Awang Mohammed Hussain bin Pehin Penyurat Haji Awang Ahmad.

BKISHHB, sebuah seni bina Islam ikonik yang megah dan moden direka oleh arkitek terkemuka PEI Architects dan

dibina di atas salah satu kawasan tertinggi di Bandar Seri Begawan dan terletak di Jalan Pengiran Babu Raja, kira-kira 3 kilometer dari pusat bandar.

BKISHHB telah dibuka secara rasmi oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam pada 13 Safar 1441 Hijrah bersamaan 12 Oktober 2019 Masihi.

Selain itu, BKISHHB berkenaan juga merupakan manifestasi kepemimpinan intelektual Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dalam melestarikan, memperkasa dan memelihara tamadun dan budaya Islam serta mempromosi ilmu dan warisan Islam secara global.

Terdapat sembilan galeri kekal yang mempamerkan koleksi khazanah Islam milik peribadi Kebawah Duli Yang Maha Mulia merangkumi pelbagai artefak seperti Mushaf Al-Quran, manuskrip Arab, Parsi dan Melayu; tasbih, tongkat, fosil, alat astronomi Islam serta Rambut Mulia Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam, cebisan burdah, replika pedang nabi dan para sahabatnya,

dan banyak lagi.

BKISHHB juga mempunyai beberapa kemudahan bertaraf dunia termasuk auditorium, bilik persidangan, bilik mesyuarat, ruang orang kenamaan, makmal pemuliharaan dan surau.

Seni bina yang indah dan koleksi khazanah Islam berkenaan diharapkan dapat menjadikannya mercu tanda sebagai pusat sehati destinasi pelancongan Islam.

Galeri 1, iaitu Kebestarian Raja mengongsikan kebestarian yang dimiliki oleh Kebawah DYMM dari segi keperibadian, intelektualisme dan kepimpinan Kebawah DYMM dalam pelbagai aspek. Melalui galeri berkenaan, para pengunjung dapat melihat bagaimana baginda menjadikan dan memartabatkan agama Islam sebagai pegangan dan panduan dalam pemerintahan dengan berkonsepkan Melayu Islam Beraja (MIB) dan Negara Zikir sehingga rakyat dan penduduk di Negara Brunei Darussalam dapat menikmati pelbagai bentuk pembangunan dan kemajuan.

Sementara Galeri 2, iaitu Mushaf Al-Quran adalah kalam Allah yang mengandungi mukjizat, diturunkan dalam bahasa Arab kepada Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam melalui perantaraan Malaikat Jibril, ditulis dalam mushaf dan disampaikan kepada umat secara mutawatir. Membaca Al-Quran merupakan satu ibadah. Istilah mushaf diambil daripada perkataan Sahifah bermaksud helaian dan lembaran. Mushaf merujuk kepada kitab atau buku yang ditulis di dalamnya kalam Allah, iaitu ayat-ayat Al-Quran.

Manakala Galeri 3, iaitu Rambut Mulia Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam. Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam merupakan nabi terakhir yang diutus oleh Allah Subhanahu Wata'ala untuk seluruh umat.

SEKITAR lawatan Puan Yang Terutama Presiden Republik Kosovo dan First Gentleman.



PUAN Yang Terutama Presiden Republik Kosovo menandatangani buku kedatangan lawatan (atas), manakala gambar bawah, Puan Yang Terutama Presiden Republik Kosovo dan First Gentleman, Mr. Prindon Sadriu menyaksikan pameran.



Galeri berkenaan adalah galeri yang sangat istimewa, disediakan khas untuk memperingati Baginda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam sebagai utusan Allah Subhanahu Wata'ala.

Sementara Galeri 4, iaitu Athar Sahabat mempamerkan bahan koleksi peninggalan para sahabat yang sudah tentunya dapat dijadikan sebagai bahan rujukan sejarah dan peninggalan warisan umat Islam. Antara koleksi bahan dipamerkan di galeri berkenaan adalah seperti replika Al-Quran Sayyidina 'Utsman, pedang Khalifah ar-Rasyidin dan para sahabat lain seperti Ja'far at-Tayyar, Khalid bin al-Walid, 'Ammar bin Yasir, az-Zubair bin al-'Awwam dan Mu'az bin Jabal.

Manakala Galeri 5, iaitu Warisan Ilmu I mempamerkan koleksi manuskrip dalam bidang pelbagai ilmu agama dan sains. Terdapat lebih 100 buah naskhah manuskrip dipamerkan di galeri berkenaan hasil karya para ulama dan cendekiawan Islam terkenal dari zaman dahulu, seperti Imam al-Ghazali, Imam al-Bukhari, Imam al-Qastallani dan ramai lagi yang mahir dalam bidang masing-masing.

Sementara Galeri 6, iaitu Warisan Ilmu II pula merupakan kesinambungan dari Galeri 5 yang mempamerkan hampir 100 buah naskhah manuskrip merangkumi pelbagai bidang seperti tafsir, Tarikh/Sirah, ilmu perundangan Islam, akhlak, syair, adab dan akhlak, ilmu Al-Quran, ilmu perubatan dan sebagainya yang dikarang dalam bahasa Arab dan

bahasa Parsi.

Sementara Galeri 7, iaitu Tanda-tanda Kebesaran Allah Subhanahu Wata'ala mempamerkan pelbagai tanda kebesaran Allah Subhanahu Wata'ala, bertujuan untuk membantu pengunjung menghayati dan memahami keagungan dan keindahan ciptaan Allah Subhanahu Wata'ala.

Manakala, Galeri 8, iaitu Astronomi mempamerkan pelbagai alat yang digunakan oleh ahli astronomi Islam pada zaman dahulu, seperti *astrolab*, *rubu' mujayyab*, *rubu' mujannah*, teleskop, teodolit dan alat pengukur hujan. Selain mencerminkan khazanah langit dan bumi yang membuktikan kebesaran serta kekuasaan Allah Subhanahu Wata'ala, galeri berkenaan mengongsikan ilmu pengetahuan mengenai bidang astronomi melalui tayangan video, yang merangkumi perkembangan astronomi Islam, tokoh ilmuwan astronomi Islam, perbezaan jarak hala kiblat di beberapa tempat, serta penyusunan kalendar Islam.

Manakala Galeri 9, iaitu Kesenian Islam, Tongkat dan Tasbih mempamerkan pelbagai jenis kesenian Islam seperti kesenian khat (kaligrafi), ukiran, binaan, tongkat, tasbih dan lain-lain. Kesenian Islam terdapat di galeri berkenaan adalah bersumberkan kepada Al-Quran, hadis, alam semula jadi, persekitaran dan budaya masyarakat yang mempunyai nilai-nilai estetik, etika dan tauhid (pengabdian kepada Allah).



JPM ANJUR DOA SELAMAT BAGI BAKAL JEMAAH HAJI



YANG Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan II hadir selaku tetamu kehormat majlis tersebut dan seterusnya menyampaikan sumbangan derma kepada bakal-bakal jemaah haji berkenaan (kiri dan atas).

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 6 Mei. - Jabatan Perdana Menteri (JPM) mengadakan satu majlis bagi meraikan bakal-bakal jemaah haji yang terdiri daripada tiga kakitangan JPM bagi Musim Haji Tahun 1446 Hijrah / 2025 Masihi, bertempat di Bilik Mesyuarat East

Wing di JPM, pagi tadi. Hadir selaku tetamu kehormat majlis ialah Menteri di JPM dan Menteri Pertahanan II, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Halbi bin Haji Mohd. Yussof. Turut hadir, Timbalan-timbalan Menteri, Setiausaha-setiausaha

Tetap, Timbalan-timbalan Setiausaha Tetap dan pegawai-pegawai kanan di JPM. Terdahulu, majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah beramai-ramai yang dipimpin oleh Pegawai Hal Ehwal Masjid, Masjid Ash-Shaliheen, Awang Haji Mohammad Izzat Izzuddin bin Begawan Pehin

Oleh : Aimi Sani
Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said

Khatib Dato Paduka Haji Emran. Majlis diselenggarakan dengan penyampaian sumbangan derma yang disampaikan oleh tetamu kehormat majlis kepada bakal-bakal jemaah haji berkenaan.

Doa Selamat kemudian dibacakan memohon agar bakal jemaah yang akan menunaikan fardu haji dikurniakan keberkatan dan keselamatan serta dipermudahkan segala urusan dan mendapat haji yang mabrur.



MINDA PEMBACA

Bijak memanfaatkan media sosial

MEDIA sosial menjadi sesuatu yang tidak lagi asing dan penting dalam kehidupan harian. Penggunaan media sosial semakin berkembang dan tidak mengira umur dan latar belakang. Media sosial jika digunakan dengan tepat, akan memberikan kita pengetahuan baharu dan mengeratkan lagi hubungan silaturrahim. Akan tetapi, penggunaan yang kurang bijak akan mengakibatkan impak negatif kepada diri sendiri dan orang sekitarnya.

Menjadi bijak dalam penggunaan media sosial adalah penting terutamanya bagi anak-anak muda, yang mempunyai hasrat, nafsu dan rasa ingin tahu yang mendalam terhadap perkara-perkara yang baharu. Tanggungjawab dalam penggunaan media sosial juga

tertumpu kepada ibu bapa, yang mana mereka telah diberikan tanggungjawab untuk mengajarkan anak mereka akibat daripada penggunaan media sosial secara sewenang-wenangnya.

Bijak dalam menggunakan media sosial adalah bila kita, sebagai pengguna, mampu menggunakan media sosial untuk perkara yang bermanfaat dan bila kita bertanggungjawab. Salah satu cara untuk menjadi pengguna yang bijak adalah mempunyai etika ketika berkomunikasi. Kata-kata yang kita gunakan di alam maya selalu memberi impak kepada dunia yang nyata. Banyak kes-kes buli yang akhirnya berakhir dengan kematian, adalah bermula daripada buli siber yang semakin berleluasa. Ini tidak hanya berlaku pada kalangan orang biasa, tetapi juga pada artis-artis, para ahli

politik dan banyak lagi.

Sesuatu perkataan yang negatif boleh merosakkan minda dan mental orang lain, tanpa kita sedari. Selain itu, pengguna juga mestilah menyaring informasi sebelum berkongsi dengan yang lain. Amatlah mudah bagi kita sebagai manusia untuk selalu tertipu dengan berita yang disajikan di media sosial, tanpa menyedari kita telah berbagi informasi yang salah, yang boleh berakhir dengan fitnah semata.

Waktu penggunaan media sosial juga mestilah dikawal, supaya kita tidak ketagihan dalam menggunakan media sosial dan lalai serta boleh terlepas dari masa bersama keluarga ataupun rakan taulan terutama sekali di dalam acara keramaian dan masa berekreasi bersama. Terlalu banyak meluangkan masa di media sosial boleh menyebabkan kita terlupa akan

adanya dunia yang sebenar dan ia akan menjadi sesalan di kemudian hari.

Media sosial adalah penting dan alat yang berguna untuk berkomunikasi tetapi jika kita tidak bijak dalam memanfaatkannya dan menyeimbangkan waktu pemakaian, kita sendiri yang akan rugi. Bijak dalam penggunaan media sosial adalah dengan bertanggungjawab kepada apa yang kita lakukan di media sosial, selalu berwaspada dan tidak mengambil kesempatan untuk memburukkan orang lain. Penggunaan media sosial yang bijak, bukan hanya akan memberi manfaat kepada diri sendiri, tetapi juga orang-orang di sekitar kita.

Nama : Dk. Nurazierah binti Pg. Haji Sahdan
No. K/P: 01-077XXX

Serlahkan kreativiti penulisan awda dengan menyertai ruangan ini :

TAJUK-TAJUK MINDA PEMBACA :

1. 'Persiapan Menghadapi Krisis Ekonomi Global.' Tarikh Tutup : 7 Mei 2025
2. 'Impak Kenaikan Kos Sara Hidup.' Tarikh Tutup : 14 Mei 2025
3. 'Kesihatan Mental Dalam Kalangan Remaja.' Tarikh Tutup : 21 Mei 2025

Terma dan Syarat :

1. Penyertaan dibuka kepada orang ramai yang berusia lingkungan 15 hingga 40 tahun, yang terdiri daripada rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam kecuali warga Jabatan Penerangan.
2. Pendapat awda hendaklah ditaip jarak langkau dua baris dan panjang pendapat awda mestilah antara 200 hingga 300 patah perkataan.

3. Nama penuh, nombor kad pengenalan, alamat lengkap dan nombor telefon hendaklah disertakan dan dihantar kepada :

SIDANG PENGARANG MINDA PEMBACA
Bahagian PELITA BRUNEI, Jabatan Penerangan
Lapangan Terbang Lama, Berakas
Bandar Seri Begawan, BB3510
Negara Brunei Darussalam.
atau melalui

E-mel : pelita.brunei@information.gov.bn

Menangi
BND75

SETIAP MINGGU

Tunggu apa lagi ... Hantarkan pendapat awda sekarang

Waktu Takbir Hari Raya Adha

(Dengan nama Allah, segala puji bagi Allah, selawat dan salam ke atas Rasulullah Shallallahu 'alaihi wasallam, keluarga, sahabat dan para pengikut Baginda)

BERTAKBIR pada Hari Raya Adha adalah sunat dan bertakbir itu lebih utama dilakukan untuk menghidupkan suasana hari raya kerana ia merupakan zikir dan syi'ar hari raya. Imam ar-Ramli *Rahimahullah* dalam kitabnya *Nihayah al-Muhtaj* menyebut :

Ertinya : Maka bertakbir adalah perkara yang lebih utama untuk dia lakukan (pada malam hari raya) kerana sesungguhnya ia (takbir itu) adalah zikrullah dan sebagai syi'ar hari itu.

Bagi kaum lelaki, bertakbir secara *jahr* (nyaring) adalah sunat sebagai menzahirkan syi'ar Hari Raya. Adapun bagi kaum perempuan dan khunsa, tidak disunatkan bertakbir secara *jahr* ketika ada orang lain yang bukan mahram hadir bersama mereka.

Mengenai dengan takbir Hari Raya Adha ini, timbul kekeliruan di kalangan sebahagian orang tentang bila waktu yang disyariatkan untuk bertakbir. Adakah waktu yang disunatkan bertakbir hari raya bagi orang yang tidak mengerjakan haji sama dengan orang yang mengerjakan haji? Maka Irsyad Hukum kali ini akan menjelaskan mengenainya.

Takbir Hari Raya Adha itu terbahagi kepada dua iaitu takbir *mursal* dan takbir *muqayyad*.

Takbir *mursal* atau disebut juga sebagai takbir *muthlaq* ialah takbir yang tidak terikat dengan sembahyang. Waktu takbir *mursal* bermula dengan terbenamnya matahari pada malam Hari Raya Adha sehingga imam mengangkat takbiratulihram untuk menunaikan sembahyang Hari Raya Adha. Takbir sunat dilaungkan pada bila-bila masa dalam waktu tersebut sama ada di rumah-rumah, masjid-masjid dan lain-lain, kecuali bagi orang-orang yang mengerjakan ibadah haji kerana mereka disunatkan mengucap *talbiah* bermula dari waktu berniat ihram sehingga waktu sebelum dia mengerjakan amalan manasik haji yang menyebabkan tahallul iaitu melontar Jamrah al-Aqabah atau bercukur atau tawaf haji.

Takbir *muqayyad* pula ialah takbir yang terikat dengan sembahyang. Takbir *muqayyad* adalah afdhal daripada takbir *mursal* disebabkan kemuliaannya kerana ia mengikuti sembahyang.

Takbir *muqayyad* pada Hari Raya Adha sunat dilakukan setelah mengerjakan sembahyang sama ada sembahyang fardhu atau sunat, tunai atau qadha, termasuk sembahyang jenazah dan sembahyang yang dinazarkan. Jika seseorang itu meninggalkan takbir setelah mengerjakan sembahyang sama ada

secara sengaja atau terlupa, dia tetap dituntut untuk bertakbir sekalipun selang waktu di antara dia selesai sembahyang dan bertakbir itu adalah panjang selagimana masih dalam waktunya (takbir *muqayyad*) kerana takbir adalah syi'ar hari-hari tersebut dan bukan pelengkap kepada sembahyang. Bagi makmum yang *masbuq*, dia boleh bertakbir setelah dia selesai bersembahyang.

Bagi orang yang tidak mengerjakan haji, waktu sunat melakukan takbir *muqayyad* ialah setiap kali selesai mengerjakan sembahyang bermula pada waktu Subuh Hari Arafah iaitu pada 9 Zulhijjah dan berterusan waktunya sehingga selesai menunaikan sembahyang fardhu Asar pada hari Tasyriq yang terakhir iaitu pada 13 Zulhijjah sebagaimana pendapat yang dipilih oleh Imam an-Nawawi *Rahimahullah*. Ini bermaksud, orang yang tidak mengerjakan haji mula disunatkan bertakbir sebaik-baik selesai mengerjakan sembahyang Subuh pada Hari Arafah dan seterusnya bertakbir selepas sembahyang-sembahyang lain sepanjang 9, 10, 11, 12 dan 13 Zulhijjah iaitu sehingga selesai sembahyang fardhu Asar.

Bagi orang yang mengerjakan haji pula, waktu sunat melakukan takbir *muqayyad* bagi mereka ialah setiap kali selesai mengerjakan sembahyang bermula masuk waktu Zuhur hari *an-Nahr* iaitu 10 Zulhijjah sama ada mereka berada di Mina atau di


IRSYAD HUKUM
 جَانِبٌ مِّنْهُ كَرِجَانٌ
 جَانِبٌ مِّنْهُ كَرِجَانٌ
 Jabatan Mufti Kerajaan
 Jabatan Perdana Menteri
 Negara Brunei Darussalam
 Website : www.mufti.gov.bn
 E-mail : fatwa@mufti.gov.bn - info@mufti.gov.bn

tempat lain kerana Zuhur adalah sembahyang pertama yang mereka lakukan setelah melaksanakan tahallul awal serta berakhirnya bacaan *talbiah* yang merupakan syi'ar bagi orang yang mengerjakan haji. Waktu tersebut berterusan sehingga waktu Subuh hari Tasyriq terakhir iaitu 13 Zulhijjah kerana Subuh adalah sembahyang terakhir yang mereka lakukan di Mina.

Demikian penjelasan mengenai waktu takbir Hari Raya Adha.

YSHHB hulur sumbangan lebih BND119,000



YANG Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan selaku Ahli Lembaga Pengarah dan Pengerusi Jawatankuasa Meneliti Bantuan-bantuan Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah (YSHHB) hadir selaku tetamu kehormat majlis dan seterusnya menyempurnakan penyampaian sumbangan (kanan dan atas).

>> Muka 1

Sehubungan dengan itu, YSHHB petang tadi menyampaikan sumbangan keseluruhannya berjumlah BND119,065.40 kepada tujuh buah keluarga yang terlibat dalam kebakaran dan bencana alam, empat buah keluarga menerima bantuan membaik pulih rumah dan Persatuan Saudara-Saudara Baru Daerah Tutong (PESATU).

Majlis Penyampaian Sumbangan berkenaan diadakan di Dewan Serbaguna, Aras 4, Kompleks YSHHB, Bandar Seri Begawan, di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis dan seterusnya menyempurnakan penyampaian sumbangan, Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Haji Awang Nazmi bin Haji Awang Mohamad, selaku Ahli Lembaga Pengarah dan Pengerusi Jawatankuasa Meneliti Bantuan-bantuan YSHHB.

Bagi mangsa kebakaran dan bencana alam, YSHHB telah menyumbangkan sejumlah BND26,000 kepada tujuh keluarga yang terjejas.

Antara penerima bantuan berkenaan ialah Dayang Azizah binti Haji Ahad dari Kampung Kulapis; Pengiran Aminah binti Pengiran Haji Damit dari Rancangan Perumahan Negara (RPN) Lambak Kanan; Awang Jafar bin Pidoh dari Kampung Junjungan; Awang Alex bin Tengah dari Kampung Bolkiah 'A'; dan Awang Jeinudin bin Haji Dollah dari RPN Lambak Kanan yang menjadi mangsa kebakaran.

Manakala Awang Mohammad Noorzli bin Rosli dari Kampung Kota Batu pula menerima bantuan akibat rumah roboh, sementara Awang Haji Othman bin Seruji dari Kampung Pancur Dulit mendapat bantuan kerana kesan angin kencang.

Bagi program membaik pulih rumah, YSHHB telah



memperuntukkan BND88,871.40 untuk membantu empat keluarga yang kurang berkemampuan.

Para penerima bantuan berkenaan ialah Ampuan Mohammad bin Ampuan Haji Husin dari Kampung Sungai Besar, Dayang Kasum binti Suintai dari Kampung Tunggulian, Dayang Siti Jaiedah binti Taib dari RPN Kampung Pandan 'A', dan Dayang Lamah binti Ghani dari Kampung Perpindahan Serasa.

YSHHB turut menyumbangkan alat penyaman udara bernilai

Oleh : Pg. Syi'aruddin Pg. Daudin

Foto : Ak. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman

BND4,194 kepada PESATU sebagai sokongan terhadap usaha mengembangkannya syiar Islam.

Sumbangan berkenaan telah diterima oleh Setiausaha Agung

PESATU, Dayang Hajah Rohaidah Anizah binti Muhd. Kamsani.

Juga hadir, Penolong Pengarah Urusan serta pegawai dan kakitangan dari YSHHB.



ANTARA yang hadir pada Majlis Penyampaian Sumbangan tersebut yang diadakan di Dewan Serbaguna, Aras 4, Kompleks YSHHB, Bandar Seri Begawan.


**UNIVERSITI ISLAM SULTAN
SHARIF ALI**
UNISSA / SB0009 / 2025 / 2026

To Supply and Deliver Research Equipment for UNISSA Research Grant Titled "Isolation and Molecular Characterization Of Native Bacillus Thuringiensis Strains and Evaluating Their Insecticidal Activity Against Some Important Insect Pests In Brunei Darussalam

UNISSA / SB0010 / 2025 / 2026

To Design and Build of Permanent Billboard for Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) Gadong Campus

UNISSA / SB0011 / 2025 / 2026

To Supply, Deliver and Install of Gravity Micro-Irrigation System with Rainwater Harvesting to The Block of Land in Front of Dar Al-Khawarizmi', Faculty of Agriculture Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) Sinaut Campus

UNISSA / SB0012 / 2025 / 2026

To Supply, Deliver and Install of Micro-Irrigation System to The Block of Land Adjacent to Dar Al-Razi', Faculty of Agriculture Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) Sinaut Campus

UNISSA / SB0014 / 2025 / 2026

To Supply and Deliver Research Items for UNISSA Research Grant Titled "Exploring Bruneian Macro Feed Nutrients and Its Economic Analysis to Formulate the Biogenic Fish Feed"

Tarikh Tutup Tawaran:

Rabu,
21 Mei 2025.
Jam 2.00 Petang.


**JABATAN KERJA RAYA
KEMENTERIAN
PEMBANGUNAN**

Dibukakan Kepada Konsultan-Konsultan C & S Yang Berdaftar Dengan Kementerian Pembangunan

Bilangan Tawaran:

JKR / RFQ / DDS / 11 / 2025

Nama Projek:

Request for Quotation (RFQ) Civil and Structural Engineering Consultancy Services for Brunei

UNISSA / SB0013 / 2025 / 2026

To Construct Concrete Base For Solar Fish Dryer At Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) Sinaut Campus – [Class: 1 & Above] & [Category: Ka01 & B01]

Tarikh Tutup Tawaran:

Rabu,
21 Mei 2025.
Jam 2.00 Petang.


**JABATAN BANDARANN
KUALA BELAIT DAN SERIA
KEMENTERIAN HAL EHWAL
DALAM NEGERI**
Bilangan Tawaran:

01 / BBS / SH / 2025 – 2026

Keterangan Projek:

Kerja-Kerja Pembaikan Kerosakan Bangunan Pentas Diraja Padang Bandaran, Jalan Sultan, Kuala Belait [Dibukakan kepada pemborong-pemborong yang berdaftar dengan Kementerian Pembangunan Negara Brunei Darussalam]

Bilangan Tawaran:

02 / BBS / SH / BKA / 2025 – 2026

Keterangan Projek:

Sebut Harga Bagi Kerja – Kerja Membuka Dan Mengganti Baharu Pintu Masuk Belakang Jenis 'Roller Shutter' Di Bangunan Pasarneka Kuala Belait, Jalan Pasarneka Kuala Belait [Dibukakan kepada pemborong – pemborong yang berdaftar dengan Kementerian Pembangunan Negara Brunei Darussalam (Kelas I dan II

Darussalam Drainage Master Plan, Sg Belait and Temburong Floodplain Management Studies.

Yuran Tawaran:

BND100.00
(Tidak Dikembalikan)

Yuran E-Dokumen:

BND5.00

Tarikh Akhir Mengambil

Dokumen Tawaran:
Selasa,
13 Mei 2025.

Tarikh Tutup Tawaran:

Selasa,


**JABATAN DAERAH
TEMBURONG
KEMENTERIAN HAL EHWAL
DALAM NEGERI**

Tajuk Tawaran Ruang Kedai:
Pemberitahuan Tawaran Ruang Kedai Kosong kepada Pengusaha-Pengusaha di Bangunan Kedai Rakyat Jati, Pekan Bangar Temburong.

Tarikh Tutup:

Khamis,
29 Mei 2025.



Kategori KA01]]

Bilangan Tawaran:

03 / BBS / SH / BKA / 2025 – 2026

Keterangan Projek:

Sebut Harga Bagi Kerja – Kerja Membaiki Kerosakan Pada Bangunan Utama Jabatan Bandarannya Kuala Belait Dan Setia Di Jalan Mckerron Kuala Belait [Dibukakan kepada pemborong – pemborong yang berdaftar dengan Kementerian Pembangunan Negara Brunei Darussalam (Kelas I dan II Kategori KA01]]

Yuran Tawaran:

BND5.00 (Non-Refundable)

Tarikh Tutup:

Selasa,
20 Mei 2025



10 Jun 2025.

Tidak lewat dari jam 2.00 Petang.


**INSTITUT PERKHIDMATAN
AWAM**
Notis Sebut Harga
Tajuk Sebut Harga:

IPA / PENT / SVC / 513
Kerja-Kerja Perkhidmatan Pengangkutan Dan Pembuangan Sampah

Tajuk Sebut Harga:

IPA / PENT / SVC / 512
Perkhidmatan Penyewaan / Pengusahaan Kiosk Makanan

Tarikh Tutup Bagi Sebut

Harga:
Selasa,
20 Mei 2025.
Jam 9.00 Pagi.

Yuran Sebut Harga:

BND5.00
(Tidak Dikembalikan)


**PASUKAN POLIS
DIRAJA BRUNEI
JABATAN PERDANA MENTERI**
**T / 001 / RBPf-HQ / 2025 –
INSURAN**

Skim Takaful Kemalangan Diri Berkelompok Bagi Pegawai Dan Anggota Pangkat Rendah Serta Pegawai Dan Kakitangan Awam, Pasukan Polis Diraja Brunei Bagi Tempoh (3) Tahun


KEMENTERIAN PERTAHANAN
**Rujukan Bilangan Dan
Tawaran:**

MINDEF / DFA / FY2025 / LB / TA / 006
Pembaikan Dan Baikpulih Bagi 16 Jenis Kenderaan 4 Ton With Crane Kepunyaan Unit-Unit Angkatan Bersenjata Diraja Brunei

Yuran Tawaran:

BND30.00 (Tidak dikembalikan)

Tarikh terakhir bagi pembelian Borang Tawaran adalah lima (5) hari sebelum tarikh tutup tawaran, iaitu Selasa, 23 Mei 2025.

Tarikh Tutup Tawaran:

Selasa,
27 Mei 2025.
2.00 Petang.


Yuran Tawaran:

BND50.00
(Tidak Dikembalikan)

Tarikh Tutup:

Selasa,
20 Mei 2025.


**JABATAN DAERAH BELAIT
KEMENTERIAN HAL EHWAL
DALAM NEGERI**
Tajuk Sebut Harga:
JDB / 2.2 / PA SYSTEM DEWAN
SANTAP / B / 2025

Nama Projek:

Sebut Harga Bagi Menyewakan dan Mengendalikan Set Pembesaran Suara (PA System) Untuk Majlis Santap Sempena Sambutan Perayaan Ulang Tahun Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Yang Ke-79 Bagi Tahun 2025 Peringkat Daerah Belait

Tajuk Sebut Harga:

JDB / 2.3 / PA SYSTEM PENTAS MALAM PERAYAAN / C / 2025


Nama Projek:

Sebut Harga Menyewakan dan Mengendalikan Set Pembesaran Suara (PA System) Bagi Persembahan Pentas Malam Perayaan Sempena Sambutan Perayaan Ulang Tahun Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Yang Ke-79 Bagi Tahun 2025 Peringkat Daerah Belait

Tarikh Tutup:

Selasa,
13 Mei 2025.



**JABATAN KERJA RAYA
KEMENTERIAN
PEMBANGUNAN**

Dibukakan kepada
Pemborong-Pemborong
yang berdaftar di dalam

Kelas:
V sahaja

Kategori:
KA01

**Tarikh Mengambil Dokumen
Tawaran:**
30 April 2025

**Tarikh Akhir Mengambil
Dokumen Tawaran:**
Selasa,
20 Mei 2025,
Jam 3.00 Petang.

Tarikh Tutup Tawaran:
Selasa,
27 Mei 2025,
Tidak lewat jam 2.00 Petang.

Bilangan Tawaran:
JKR / DOR / SRM 07 / 2025

Nama Projek:
Membaikpilih Jalan Dan
Tambak Di Sepanjang Jalan
Temada

Yuran Tawaran:
BND500.00
(Tidak Dikembalikan)



Dibukakan kepada
Pemborong-Pemborong
yang berdaftar di dalam

Kelas:
IV & V sahaja

Kategori:
KPB 17 / KPB 18

**Tarikh Mengambil Dokumen
Tawaran:**
30 April 2025

**Tarikh Akhir Mengambil
Dokumen Tawaran:**
Selasa,
20 Mei 2025,
Jam 3.00 Petang.

Tarikh Tutup Tawaran:
Selasa,
27 Mei 2025,
Tidak lewat jam 2.00 Petang.

Bilangan Tawaran:
JKR / DOR / BBA 08 / 2025

Nama Projek:
Menilai Kondisi Struktur
Jambatan

Yuran Tawaran:
BND500.00
(Tidak Dikembalikan)



Dibukakan Kepada
Pemborong-pemborong
Yang Berdaftar Di Dalam

Kelas:
III & IV sahaja

Kategori:
B01 & KPB02

Bilangan Tawaran:
JKR / DBSBM006 / 2025

Bil. Projek:
2025DBSBM / JUB.01

Nama Projek:
Kerja-kerja Pembaikan Bagi
Masjid Kampung Lumapas
(Retender)

Yuran Tawaran:
BND10.00
(Tidak Dikembalikan)

**Tarikh Akhir Mengambil
Dokumen Tawaran:**
Selasa,
13 Mei 2025.

Tarikh Tutup Tawaran:
Selasa,
27 Mei 2025,
Tidak lewat jam 2.00 Petang.



**JABATAN KEMAJUAN
PELANCONGAN
KEMENTERIAN
SUMBER-SUMBER UTAMA
DAN PELANCONGAN**

Bilangan Tawaran:
JKP / SH / 2025 – 2026 / 01

Tajuk Tawaran:
Cultural Performance Services For
Tourism Related Activities
Throughout June 2025 –
March 2026

Tarikh Tutup Tawaran:
Khamis, 8 Mei 2025,
Jam 2.00 Petang.



**PUSAT PENGURUSAN
BENCANA KEBANGSAAN
KEMENTERIAN HAL EHWAL
DALAM NEGERI**

Kenyataan Tawaran

Bilangan Sebut Harga:
(4) NDMC / TSH / 2025-2026

Tajuk Sebut Harga:
Maintenance And Repair To
Building, Electrical Works For
Pusat Pemindahan Sementara
Evakuasi (PPSe) Jalan Subok

Yuran:
BND5.00
(Lima Ringgit Sahaja)

Tarikh Tutup:
Rabu,
14 Mei 2025,
Jam 2.00 Petang.



**JABATAN BANDARAN
KUALA BELAIT DAN SERIA
KEMENTERIAN HAL EHWAL
DALAM NEGERI**

Bilangan Tawaran:
01 / BBS / TMGCCBMA /
2025-2026

Keterangan Projek:
Three (3) Months Grass
Cutting Contract In Kuala
Belait Municipal Area
[Dibukakan kepada pemborong
yang berdaftar dengan
Kementerian Pembangunan
Negara Brunei Darussalam]

Yuran Tawaran:
BND5.00
(Non – Refundable)

Tarikh Tutup Tawaran:
Selasa, 20 Mei 2025,
jam 2.00 Petang.



**JABATAN PENERANGAN
JABATAN PERDANA
MENTERI**

Kenyataan Tawaran

Bilangan Sebut Harga:
(14) INFO / PK / K / 7
(2025 - 2026)

Tajuk Sebut Harga:
Mencetak Buku "Titah-Titah:
Himpunan Titah Kebawah Duli
Yang Maha Mulia Paduka Seri
Baginda Sultan Dan Yang
Di-Pertuan Negara Brunei
Darussalam 2024

Bilangan Sebut Harga:
(15) INFO / PK / K / 7
(2025 - 2026)

Tajuk Sebut Harga:



Mencetak Buku "Selera
Kampung Kitani Siri 2

Bilangan Sebut Harga:
(16) INFO / PK / K / 7
(2025 - 2026)

Tajuk Sebut Harga:
Mencetak Letterhead Jabatan
Penerangan

Yuran:
Tidak Dikenakan Bayaran

Tarikh Tutup:
Khamis, 15 Mei 2025,
Jam 8.00 Pagi.



Isnin, 28 April 2025.

**Tarikh Akhir Pembelian dan
Pembayaran:**
Khamis, 8 Mei 2025.

Tarikh Tutup:
Isnin, 12 Mei 2025,
Sebelum jam 9.00 Pagi.



**JABATAN PENGAJIAN ISLAM
KEMENTERIAN HAL
EHWAL UGAMA**

Pemberitahuan Tawaran

**Bilangan Dan Tajuk
Sebut Harga :**
KHEU / JPI / JKS / PPPB /
SUBERIBI / 2025-2026
Perkhidmatan Pengurusan Dan
Pembersihan Bangunan
(Housekeeping) Tempoh 24 Bulan
Bagi Sekolah Ugama Beribi.
Brunei III

**Bilangan Dan Tajuk
Sebut Harga :**
KHEU / JPI / JKS / PPPB /
SULUMAPAS / 2025-2026
Perkhidmatan Pengurusan Dan
Pembersihan Bangunan
(Housekeeping) Tempoh 24 Bulan
Bagi Sekolah Ugama Lumapas
Brunei IV

**Bilangan Dan Tajuk
Sebut Harga:**



KHEU / JPI / JKS / PPPB /
SUPAPANB / 2025-2026
Perkhidmatan Pengurusan Dan
Pembersihan Bangunan
(Housekeeping) Tempoh 24 Bulan
Bagi Sekolah Ugama Pengiran
Anak Puteri Aziemah Ni'matul
Bolkiah. Brunei IIB

**Di Bawah Kawalan
Jabatan Pengajian Islam,
Kementerian Hal Ehwal Ugama
Tahun 1446H-1447H /
2025M – 2026M**

Tarikh Tutup Sebut Harga:
Rabu, 16 Zulkaedah 1446H /
14 Mei 2025M,
Jam 2.00 Petang.



KEMENTERIAN PENDIDIKAN

DA / JKSH / 15 / 2025 / 2026
[BPPA-APRIL-2025]

Sebut Harga Perkhidmatan Kantin Bagi:
Sekolah Menengah Pehin Datu Seri Maharaja, Mentiri Daerah Brunei Muara Kementerian Pendidikan Negara Brunei Darussalam. Bagi Tempoh Satu (1) Tahun [Kantin Bahagian Blok 'B']

Harga Sewa Kantin:
BND785.00 Sebulan

DA / JKSH / 16 / 2025 / 2026
[BPPA-APRIL-2025]

Sebut Harga Perkhidmatan Kantin Bagi:
Sekolah Rendah Sultan Hashim Daerah Temburong Kementerian Pendidikan Negara Brunei Darussalam. Bagi Tempoh Tiga (3) Tahun

Harga Sewa Kantin:
BND86.00 Sebulan

DA / JKSH / 17 / 2025 / 2026
[BPPA-APRIL-2025]

Sebut Harga Perkhidmatan Kantin Bagi:
Sekolah Rendah Bukit Panggal Daerah Tutong Kementerian Pendidikan Negara Brunei Darussalam. Bagi Tempoh Tiga (3) Tahun

Harga Sewa Kantin:
BND63.00 Sebulan

DA / JKSH / 18 / 2025 / 2026
[BPPA-APRIL-2025]

Sebut Harga Perkhidmatan Kantin Bagi:
Sekolah Rendah Mentiri Daerah Brunei Muara Kementerian Pendidikan Negara Brunei Darussalam. Bagi Tempoh Tiga (3) Tahun

Harga Sewa Kantin:
BND265.60 Sebulan

DA / JKSH / 19 / 2025 / 2026
[BPPA-APRIL-2025]

Sebut Harga Perkhidmatan Kantin Bagi:
Sekolah Menengah Awang Semaun Daerah Brunei Muara Kementerian Pendidikan Negara Brunei Darussalam. Bagi Tempoh Tiga (3) Tahun

Harga Sewa Kantin:
BND788.80 Sebulan

DA / JKSH / 20 / 2025 / 2026
[BPPA-APRIL-2025]

Sebut Harga Perkhidmatan Kantin Bagi:
Sekolah Rendah Tanah Jambu Daerah Brunei Muara Kementerian Pendidikan Negara Brunei Darussalam. Bagi Tempoh Tiga (3) Tahun

Harga Sewa Kantin:
BND169.00 Sebulan

DA / JKSH / 21 / 2025 / 2026
[BPPA-APRIL-2025]

Sebut Harga Perkhidmatan Kantin Bagi:
Sekolah Rendah Rimba I Daerah Brunei Muara

Kementerian Pendidikan Negara Brunei Darussalam. Bagi Tempoh Tiga (3) Tahun

Harga Sewa Kantin:
BND570.00 Sebulan

DA / JKSH / 22 / 2025 / 2026
[BPPA-APRIL-2025]

Sebut Harga Perkhidmatan Kantin Bagi:
Sekolah Rendah Pulaie Daerah Brunei Muara Kementerian Pendidikan Negara Brunei Darussalam. Bagi Tempoh Tiga (3) Tahun

Harga Sewa Kantin:
BND244.00 Sebulan

DA / JKSH / 23 / 2025 / 2026
[BPPA-APRIL-2025]

Sebut Harga Perkhidmatan Kantin Bagi:
Sekolah Rendah Datu Mahawangsa, Lambak Daerah Brunei Muara Kementerian Pendidikan Negara Brunei Darussalam. Bagi Tempoh Tiga (3) Tahun

Harga Sewa Kantin:
BND289.00 Sebulan

DA / JKSH / 24 / 2025 / 2026
[BPPA-APRIL-2025]

Sebut Harga Perkhidmatan Kantin Bagi:
Sekolah Menengah Sufri Bolkih Daerah Tutong Kementerian Pendidikan Negara Brunei Darussalam. Bagi Tempoh Tiga (3) Tahun [Kantin Bahagian Blok 'A']

Harga Sewa Kantin:
BND702.00 Sebulan

DA / JKSH / 25 / 2025 / 2026
[BPPA-APRIL-2025]

Sebut Harga Perkhidmatan Kantin Bagi:
Sekolah Menengah Tanjong Maya Daerah Tutong Kementerian Pendidikan Negara Brunei Darussalam. Bagi Tempoh Tiga (3) Tahun [Kantin Bahagian Blok 'A']

Harga Sewa Kantin:
BND367.00 Sebulan

DA / JKSH / 26 / 2025 / 2026
[BPPA-APRIL-2025]

Sebut Harga Perkhidmatan Kantin Bagi:
Sekolah Rendah Pengiran Kesuma Negara, Bukit Beruang, Daerah Tutong Kementerian Pendidikan Negara Brunei Darussalam. Bagi Tempoh Tiga (3) Tahun

Harga Sewa Kantin:
BND351.00 Sebulan

DA / JKSH / 27 / 2025 / 2026
[BPPA-APRIL-2025]

Sebut Harga Perkhidmatan Kantin Bagi:
Sekolah Rendah Dato Pemancha Saging, Ukong Daerah Tutong Kementerian Pendidikan Negara Brunei Darussalam. Bagi Tempoh Tiga (3) Tahun

Harga Sewa Kantin:
BND44.00 Sebulan

DA / JKSH / 28 / 2025 / 2026
[BPPA-APRIL-2025]

Sebut Harga Perkhidmatan Kantin Bagi:
Sekolah Rendah Sinaut Daerah Tutong Kementerian Pendidikan Negara Brunei Darussalam. Bagi Tempoh Tiga (3) Tahun

Harga Sewa Kantin:

BND86.00 Sebulan

15. DA / JKSH / 29 / 2025 / 2026
[BPPA-APRIL-2025]

Sebut Harga Perkhidmatan Kantin Bagi:
Sekolah Rendah Tumpuan Telisai Daerah Tutong Kementerian Pendidikan Negara Brunei Darussalam. Bagi Tempoh Tiga (3) Tahun

Harga Sewa Kantin:
BND208.00 Sebulan

DA / JKSH / 30 / 2025 / 2026
[BPPA-APRIL-2025]

Sebut Harga Perkhidmatan Kantin Bagi:
Pusat Tingkatan Enam Meragang, Daerah Brunei dan Muara Kementerian Pendidikan Negara Brunei Darussalam. Bagi Tempoh Tiga (3) Tahun

Harga Sewa Kantin:
BND640.00 Sebulan

Bayaran Yuran
Sebut Harga:
BND5.00

(Tidak Dikembalikan)

Tarikh Tutup / Waktu:
Sabtu,

10 Mei 2025.
(Jam 9.00 Pagi)




JABATAN PENERBANGAN AWAM
KEMENTERIAN
PENGANGKUTAN DAN
INFOKOMUNIKASI

Tajuk Tawaran:

The Supply, Delivery, Installation, Testing And Commissioning Of Microwave Radio Spare Indoor Unit (IDU) And Outdoor Unit (ODU) For Air Traffic Services, Department Of Civil Aviation
ATELS / 2025 / SH-18

Tarikh Iklan / Mengambil Dokumen Sebut Harga:
7 Mei 2025, Rabu.

Tarikh Terakhir Mengambil Dokumen Sebut Harga:
20 Mei 2025, Selasa.

Tarikh Tutup Sebut Harga:
21 Mei 2025, Rabu.
Tidak Lewat Jam 2.00 Petang.

Kepada:

Pengerusi Jawatankuasa Sebut Harga
d/a Aras Bawah,
Bangunan Ibu Pejabat
Jabatan Penerbangan Awam
Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi
Bandar Seri Begawan BB2513
Negara Brunei Darussalam

Tajuk Tawaran:

'The Supply And Delivery Of Automatic Dependent Surveillance - Broadcast (ADS-B) Spare Parts For Aeronautical Telecommunication Services, Department Of Civil Aviation'
ATELS / 2025 / SH-13

Tarikh Iklan / Mengambil Dokumen Sebut Harga:
7 Mei 2025, Rabu.

Tarikh Terakhir Mengambil Dokumen Sebut Harga:
20 Mei 2025, Selasa.

Tarikh Tutup Sebut Harga:
21 Mei 2025, Rabu.
Tidak lewat jam 2.00 Petang.

Kepada:

Pengerusi Jawatankuasa Sebut Harga
d/a Aras Bawah,
Bangunan Ibu Pejabat
Jabatan Penerbangan Awam
Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi
Bandar Seri Begawan BB2513
Negara Brunei Darussalam

Tajuk Tawaran:

'The Supply And Delivery Of Flight Strip Paper Roll For Air Navigation Services, Department Of Civil Aviation'
ATELS / 2025 / SH-08

Tarikh Terakhir Mengambil Dokumen Tawaran:
Selasa,
20 Mei 2025.

Tarikh Tutup Tawaran:
21 Mei 2025, Rabu.
(Tidak lewat jam 12.00 Tengah Hari)

Kepada:

Pengerusi Jawatankuasa Sebut Harga
d/a Aras Bawah, Bangunan Ibu Pejabat
Jabatan Penerbangan Awam
Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi
Bandar Seri Begawan BB2513
Negara Brunei Darussalam



PERATURAN PENGIKLANAN

(SEKTOR AWAM / KERAJAAN)

DI PELITA BRUNEI

IKLAN dalam salinan liut (*soft copy*) hendaklah dihantar dan diterima oleh Meja Iklan bagi **iklan Tawaran TIDAK kurang dari empat (4) minggu dan Iklan Sebut Harga TIDAK kurang dari dua (2) minggu** sebelum tarikh iklan dicadangkan untuk diterbitkan.

Rang Iklan hendaklah jelas dan mudah dibaca menggunakan **Microsoft Word** dengan **Font ARIAL saiz 12** dan Rang Iklan tersebut **MESTILAH** dihantar menggunakan **BAHASA MELAYU SAHAJA**.

Sila sertakan dokumen-dokumen yang berkaitan dan nyatakan apa-apa keperluan iklan berkenaan, seperti tarikh terbitan untuk diiklankan dan sebagainya.

Iklan berkenaan bolehlah dihantar melalui :

E-MEL :

iklan.pb@information.gov.bn

BAGI SEBARANG PERTANYAAN SILA HUBUNGI :

+673 2383400
sambungan Meja Iklan

SETIAP IKLAN YANG DIHANTAR PERLU MENYERTAKAN NAMA DAN NOMBOR TELEFON YANG MUDAH UNTUK DIHUBUNGI MENGENAI IKLAN TERSEBUT.

RUANG IKLAN ADALAH TERHAD.

IKLAN-IKLAN HENDAKLAH MEMATUHI TERMA DAN SYARAT.

Doa Kesyukuran untuk bakal jemaah haji Kementerian Pendidikan



SETIAUSAHA Tetap (Pengajian Tinggi) Kementerian Pendidikan hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis Doa Kesyukuran dan Doa Selamat dan seterusnya menyampaikan sumbangan kepada salah seorang bakal jemaah haji (atas dan atas kanan).

Oleh : Pg. Syi'aruddin Pg. Dauddin
Foto : Ihsan Kementerian Pendidikan

BERAKAS, Isnin, 5 Mei. - Sekolah-Sekolah dan Pusat Kementerian Pendidikan Teknologi Pendidikan (EdTech) melalui Jabatan Kenaziran petang tadi mengadakan Majlis



Doa Kesyukuran dan Doa Selamat bagi seramai 69 bakal jemaah haji yang terdiri daripada pegawai dan kakitangan Kementerian Pendidikan, termasuk tenaga pengajar dari sekolah-sekolah dan institusi pengajian tinggi, bertempat di Dewan Persidangan, Pusat Da'wah Islamiah (PDI) di sini. Hadir ialah Setiausaha Tetap (Pengajian Tinggi) Kementerian Pendidikan, Dr. Haji Azman bin Ahmad.

Atur cara dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah yang dipimpin oleh Pegawai Hal Ehwal Masjid, Masjid Kampung Sungai Hanching, Awang Haji Abdul Malik bin Haji Jumat dan disusuli dengan penyampaian ceramah yang bertajuk 'Ku Sahut Panggilan-Mu' disampaikan oleh Pegawai

Pelajaran Ugama, PDI, Kementerian Hal Ehwal Ugama, Awang Haji Badaruddin bin Haji Basar.

Seterusnya, majlis diikuti dengan penyampaian sumbangan derma kepada bakal-bakal jemaah haji yang disempurnakan oleh Dr. Haji Azman.

Acara diakhiri dengan bacaan Doa Selamat untuk memohon keselamatan dan kesejahteraan bagi para bakal jemaah haji agar perjalanan mereka diberkati dan dilindungi.

Majlis antara lain diadakan bagi memohon keberkatan daripada Allah Subhanahu Wata'ala agar kesemua bakal jemaah haji Kementerian Pendidikan akan mendapat perlindungan, keselamatan, dipermudahkan segala urusan dan sentiasa dalam keadaan sihat serta memperoleh haji yang mabrur.

Ia juga bertujuan untuk meningkatkan semangat untuk beramal ibadat dan sikap pemedulian khususnya dalam kalangan warga Kementerian Pendidikan.

Juga hadir, Setiausaha Tetap (Pendidikan Teras), Rektor, ketua-ketua jabatan serta pegawai-pegawai dan kakitangan Kementerian Pendidikan.

BANTU MEMBUAT PERANCANGAN KEWANGAN DENGAN LEBIH TERATUR



SESI bergambar ramai pada Program 10 Tahun Menjelang Persaraan (10 Years Towards Retirement) untuk sesi kedua yang berlangsung di Dewan Teater, Bangunan Kementerian Kewangan dan Ekonomi.

Siaran Akhbar dan Foto : Tabung Amanah Pekerja

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 5 Mei. - Tabung Amanah Pekerja (TAP) menerusi Unit Perkhidmatan Persaraan meneruskan Program 10 Tahun Menjelang Persaraan (10 Years Towards Retirement) untuk sesi kedua pada tahun ini kepada ahli-ahli TAP pada hari ini bertempat di Dewan Teater, Bangunan Kementerian Kewangan dan Ekonomi.

Program berkenaan bertujuan untuk mengongsikan dengan peserta mengenai kepentingan

perancangan kewangan serta menyediakan akses kepada maklumat dan perkhidmatan yang boleh membantu mereka untuk membuat perancangan kewangan dengan lebih teratur.

Peserta sesi kedua program berkenaan dihadiri oleh ahli-ahli TAP daripada Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, Kementerian

Hal Ehwal Luar Negeri dan Kementerian Pendidikan yang akan bersara dalam tempoh 10 ke 15 tahun.

Selain itu, buat kali pertamanya, dalam sesi berkenaan turut dihadiri oleh peserta daripada syarikat-syarikat telekomunikasi yang berminat untuk mengetahui mengenai perancangan kewangan

persaraan mereka.

Antara topik taklimat yang diberikan semasa program tersebut adalah mengenai perancangan persaraan yang dikongsi oleh pihak TAP dan cara menghindari daripada penipuan-penipuan kewangan yang disampaikan oleh pihak Brunei Darussalam Central Bank (BDCB).

Selain daripada penyampaian taklimat, beberapa ruangan (ruuai) daripada BDCB, Brunei Insurance & Takaful Association (BITA) dan Brunei Association of Banks (BAB) turut disediakan untuk peserta mendapatkan perkhidmatan Financial Health Check dan produk yang boleh membantu membuat perancangan persaraan.

TAP juga menyediakan ruangan (ruuai) untuk Ahli-ahli TAP membuat pendaftaran sebagai pengguna portal e-Amanah. Dengan mendaftar sebagai pengguna portal, ahli boleh mendapatkan penyata terkini akaun simpanan TAP/SCP/SPK mereka serta memohon perkhidmatan yang ditawarkan di TAP secara dalam talian pada bila-bila masa.

سوروهنجاي فرخدمتن عوام
SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM
JABATAN PERDANA MENTERI | BRUNEI DARUSSALAM
WWW.RECRUITMENT.GOV.BN | WWW.SPA.GOV.BN

PENTING

SILA LENGKAPKAN PROFIL PSCR 2.0 AWDA DENGAN BETUL DAN TERATUR

BARU

! IMPAK PROFIL PSCR 2.0 YANG TIDAK LENGKAP

- ✗ Permohonan tidak akan diproses.
- ✗ Maklumat yang dihadapkan ke pejabat Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (SPA) adalah tidak lengkap atau tidak teratur.

! DIANTARA SEBAB-SEBAB PROFIL PSCR 2.0 TIDAK LENGKAP / TERATUR

- ✗ Melengkapkan maklumat latar belakang pendidikan di ruang yang tidak betul. sebagai contoh: mengemaskini pendidikan menengah (O level) di pendidikan tinggi
- ✗ Tidak memuatnaik transkrip bagi sijil kelulusan yang tidak menyatakan bidang kelulusan. sebagai contoh: Bachelor of Arts/Science/Education dan lain-lain
- ✗ Tidak melengkapkan Pengalaman Kerja Kerajaan dengan lengkap. memasukkan tangga gaji / tempoh perkhidmatan yang salah
- ✗ Tidak mengemaskini ruangan peperiksaan dan kursus bagi warga perkhidmatan awam.

! Sila sahkan bahawa maklumat di dalam profil adalah lengkap, kemaskini, betul dan teratur semasa menghadapkan permohonan bagi jawatan yang dipohon.

✓ Memahami bahawa maklumat profil yang tidak lengkap, kemaskini, betul dan teratur semasa menghadapkan permohonan jawatan kosong boleh mengakibatkan tidak menepati kelayakan seperti di dalam iklan, maka dengan sendirinya permohonan tidak akan diproses.

Laman Utama > Dashboard Saya > Status Permohonan Kerja

TIDAK DIPERAKUKAN

MEMELIHARA BAHAN, SUMBER TEMPATAN MELALUI KOLEKSI BRUNEIANA

Oleh : Saerah Haji Abdul Ghani
Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman



PENGETUA Pusat Sejarah Brunei (PSB) ketika berucap pada majlis berkenaan (kiri). Sementara gambar bawah kanan, antara Ahli FOCAL yang menyampaikan ucapannya pada forum berkenaan.

sistem pangkalan data Bruneiana yang lebih mantap dan mesra pengguna serta pembentukan garis panduan pemeliharaan bahan-bahan tempatan yang setaraf dengan standard antarabangsa.

Beliau yakin usaha tersebut akan menjadi pemangkin kepada sinergi ilmu, kepakaran dan usaha bersama dalam memartabatkan sejarah, budaya dan warisan serta pembangunan negara.

Majlis Pelancaran Projek Kolaboratif FOCAL merupakan anjuran Persatuan Perpustakaan Negara Brunei Darussalam (Brunei Darussalam Library Association - BLA) yang diwakili 14 Ahli FOCAL dengan kerjasama PSB, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS).

ia turut diselenggarakan dengan forum bertajuk 'Apa yang Difahamkan sebagai Koleksi Bruneiana' yang dijayakan

oleh tiga ahli FOCAL, iaitu Pustakawan Kanan (Perpustakaan Universiti Brunei Darussalam), Awang Ahmad Safwan bin Jalil; Pegawai Sejarah Kanan (Perpustakaan PSB), Awang Muhammad Syahmi bin Halimshah dan Penolong Pegawai Perpustakaan Tingkat I (Perpustakaan Dewan Bahasa dan Pustaka), Dayang Fatin Nuramalina binti Haji Muhd. Syafie.

FOCAL yang dijayakan oleh 14 buah perpustakaan adalah merupakan projek kerjasama berkumpulan yang bertujuan untuk menaik taraf dan mengukuhkan Koleksi Bruneiana di perpustakaan-perpustakaan bagi memudahkan pemeliharaan bahan-bahan dan akses bagi tujuan pembelajaran, penyelidikan dan pembelajaran sepanjang hayat.

Objektif utama projek

berkenaan adalah untuk menyediakan *tools* bagi memudahkan kerja-kerja para pustakawan seperti indeks, abstrak, bibliografi, daftar nama pengarang, menerbitkan buku Key Reference Sources on Brunei Darussalam, garis panduan *digital libraries*, piawaian dan latihan di mana BLA adalah sebagai pembimbing dan penasihat bagi menjayakan projek berkenaan.



>> Muka 1

"Oleh itu, usaha untuk menaik taraf, mengukuh dan mengembangkan lagi koleksi ini adalah merupakan suatu langkah strategik yang sangat bijak dan relevan untuk kegunaan generasi masa kini secara menyeluruh," ujarnya pada Majlis Pelancaran Projek Kolaboratif FOCAL yang berlangsung di Dewan Jawatan Dalam, PSB, di sini.

Oleh itu jelasnya lagi, adalah menjadi harapan kita bersama agar hasil daripada usaha kolaboratif itu akan membawa kepada pembangunan

Meningkatkan usaha dalam membarigakan, mempromosi penggunaan ADR

Siaran Akhbar dan Foto :
Brunei Darussalam Arbitration Centre

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 6 Mei. - Brunei Darussalam Arbitration Centre (BDAC) telah menganjurkan satu sesi perbincangan panel sempena Borneo ADR Week 2025 yang bertajuk 'Transformative Alternative Dispute Resolution (ADR) di Kingdom of Unexpected Treasures'. Ini merupakan kali kedua BDAC menganjurkan selaku tuan rumah bagi acara seumpamanya.

Acara dimulakan dengan ucapan alu-aluan daripada Ahli Lembaga Pengarah BDAC, Awang Ahmad Basuni bin Haji Abbas, selaku tetamu kehormat majlis.

Awang Ahmad Basuni dalam ucapan alu-aluannya mengongsikan pandangan bahawa terdapat perubahan yang ketara yang berterusan ke arah penggunaan ADR hasil daripada usaha bersepadu melalui *legal framework*, sokongan-sokongan institusi yang berkepentingan dan pembangunan keupayaan yang berterusan bagi memastikan bahawa ADR bukan sahaja mudah diakses, malahan diguna pakai dengan yakin untuk mencapai matlamat asalnya.

Sesi diteruskan dengan perbincangan panel bertajuk 'Beyond Disputes : Unearthing the Power of ADR in the Kingdom of Unexpected Treasures', yang dikendalikan oleh Pegawai Undang-undang di BDAC, Dayang

Rafidah binti Mohd. Raffi.

Panel bagi sesi berkenaan terdiri daripada Ketua Pegawai Eksekutif Network Integrity Assurance Technologies (NiAT) Sdn. Bhd., Awang Lim Ming Soon; Pemangku Ketua Pendaftar Mahkamah Besar, Dayang Hajah Hazarena binti Pehin Orang Kaya Setia Jaya Dato Paduka Awang Haji Hurairah; Dayang Hajah Hasnah Hassan, dari Hasnah Hassan & Associates; serta Awang Eugene Loh, dari Yusof Halim & Partners.

Sesi berkenaan telah meneroka pelbagai isu utama ADR, dengan menekankan peranannya sebagai kaedah penyelesaian pertikaian yang berkesan, tersusun dan selaras dengan agenda negara yang mengutamakan akses keadilan.

Perbincangan turut menyentuh pelaksanaan ADR dalam konteks persekitaran komersial, bidang kuasa syariah dan sivil, serta menekankan keperluan bagi para pemimpin perniagaan untuk diberikan pendedahan mengenai ADR dan mempertimbangkan penggunaannya pada peringkat

awal seperti dalam penyediaan kontrak.

Antara perkara yang dibincangkan adalah tanggapan negatif terhadap penggunaan ADR. ADR tidak hanya terhad kepada kes-kes kecil seperti pertikaian kekeluargaan, tetapi sebenarnya digunakan secara meluas dalam menyelesaikan kes-kes rumit dan bernilai tinggi di peringkat antarabangsa.

Selain itu, pihak yang berkaitan perlu meningkatkan usaha dalam membarigakan dan mempromosi penggunaan ADR agar ia lebih

meyakinkan dan menguntungkan semua pihak dan seterusnya menjadikan ADR sebagai pilihan utama dalam penyelesaian pertelingkahan.

Para peserta daripada sektor awam dan swasta diberi peluang untuk berinteraksi secara langsung dengan para ahli panel, yang membincangkan hala tuju dan peluang masa hadapan dalam landskap ADR di Negara Brunei Darussalam.

Acara berkenaan diakhiri dengan *networking session* yang memberi ruang kepada peserta

dan para ahli panel untuk berhubung, bertukar buah fikiran dan membuka peluang untuk bekerjasama.

Borneo ADR Week 2025 merupakan siri acara yang memberi fokus kepada ADR, yang dianjurkan oleh pelbagai organisasi di seluruh Pulau Borneo. Sesi perbincangan panel akan berlangsung seterusnya di Kuching, Sarawak pada keesokan harinya, yang akan menumpukan tajuk kepada penyelesaian pertikaian dalam industri pembinaan.

BRUNEI Darussalam Arbitration Centre (BDAC) semasa menganjurkan satu sesi perbincangan panel sempena Borneo ADR Week 2025.



BSN KUKUHKAN KERJASAMA SERANTAU DI MESYUARAT SCM KE-7

Siaran Akhbar dan Foto : Universiti Brunei Darussalam

KALIMANTAN, Isnin, 5 Mei. - Universiti Brunei Darussalam (UBD) dan Universitas Balikpapan (UNIBA) menjadi tuan rumah bersama Mesyuarat Jawatankuasa Sainifik (SCM) Rangkaian Pengajian Borneo (BSN) Ke-7 di Balikpapan, Kalimantan baru-baru ini.

Mesyuarat berkenaan dipengerusikan bersama oleh Penolong Naib Canselor (Penglibatan Global) UBD, Dr. Joyce Teo Siew Yan dan Rektor UNIBA, Dr. Ir. Isradi M. Zainal dan dihadiri tetamu dan delegasi dari Universiti Ahli BSN: UBD, UNIBA, Universiti Malaysia Sabah (UMS), Universitas Islam Kalimantan (UNISKA), Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS), Universitas Mulawarman (UNMUL), Universitas Palangkaraya (UPR), Universitas Lambung Mangkurat (UNLAM), STAKAT, and Institut Teknologi Kalimantan (ITK).

SCM tahun ini memberi tumpuan kepada memajukan kerjasama strategik di kalangan Ahli Universiti BSN dan bertindak balas terhadap trend serantau dan global yang muncul.

Perbincangan tertumpu kepada membina kerjasama akademik, merebut peluang baharu untuk akademik dan mengukuhkan keterlihatan Universiti Ahli BSN melalui inisiatif inovatif.

UBD terutamanya menyatakan minat untuk memanfaatkan pelbagai peluang yang tersedia untuk Ahli Universiti BSN.

Hasil utama mesyuarat itu termasuk permulaan program Pembelajaran Antarabangsa Dalam Talian Kolaboratif BSN (BSN COIL), untuk meningkatkan usaha pendidikan transnasional, komitmen untuk meningkatkan integrasi Matlamat Pembangunan Lestari (SDG) Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu dalam kurikulum Ahli Universiti BSN.

Penciptaan Pasukan Petugas Rangka Tindakan Kelestarian BSN, telah disahkan untuk menerapkan prinsip kemampanan merentas aktiviti akademik dan penyelidikan.

Selain itu, penubuhan BSN Climate Action Alliance (BCAA) telah diumumkan, yang tidak lama lagi akan dilancarkan sebagai platform untuk menerajui penyelidikan berkaitan iklim dan usaha jangkauan komuniti di kalangan institusi BSN.

Penambahbaikan struktur selanjutnya dibincangkan, termasuk penstrukturan semula kluster penyelidikan ekonomi dan perniagaan Borneo untuk lebih mencerminkan dinamik ekonomi yang berkembang di rantau ini.

Momentum diteruskan hingga 25 April 2025 dengan Jerayawara BSN yang julung kali diadakan, platform baharu yang dinamik untuk mempamerkan program pertukaran pelajar, peluang mobiliti dan tawaran pelbagai Ahli Universiti BSN.

Jerayawara itu menampilkan pembentangan bersama oleh UBD, UNIMAS, UPR, UNISKA dan UMS, menarik minat pelajar sekolah menengah yang menggalakkan di Balikpapan, menekankan minat yang semakin meningkat dalam mobiliti akademik merentas institusi.

Mewakili UBD ialah Ketua Sekretariat BSN, Dr. Rosnah Abdullah, manakala Profesor Madya Ts. Noraziah Abdul Wahab mewakili bagi UNIMAS.

Kedua-dua pembentang dengan penuh semangat menggalakkan pelajar untuk menganggap Ahli Universiti BSN sebagai pilihan yang berdaya maju untuk usaha pendidikan tinggi mereka.

Pada masa yang sama, Mesyuarat Teras Penyelidikan Biodiversiti Borneo diadakan dan diketuai oleh Ketua Bersama



SESI bergambar ramai pada Mesyuarat Jawatankuasa Sainifik (SCM) Rangkaian Pengajian Borneo (BSN) Ke-7 di Balikpapan, Kalimantan.

Utama Teras UBD, Dr. Norhayati Haji Ahmad.

Beliau membentangkan kemas kini terkini dan menggariskan tiga bidang tumpuan utama: Biodiversiti dan Pemuliharaan Hutan Tropika (Flora dan Fauna), Etnobotani dan Etnofarmakologi Tumbuhan Tempatan, dan Biodiversiti Marin.

Projek kerjasama yang dicadangkan untuk 2025/26 bertajuk 'Kepelbagaian, Taburan dan Sejarah Hidup Belut Anguillid Tropika Genus Anguilla di Pulau Borneo', dengan Penyiasat Utama Profesor Takaomi Arai dari UBD dan Dr. Komsanah Sukarti dari UNMUL, turut diperkenalkan.

Sesi diteruskan dengan Dr. Fiffy Hanisdah Saikim dari UMS berkongsi beberapa aktiviti bersama yang akan datang dengan UBD, termasuk 'Mushroom Discovery Week' yang dijadualkan pada Jun 2025 di UBD.

Siri acara diakhiri dengan lawatan ke Ibu Kota Negara (IKN) Nusantara, di mana para perwakilan meneroka peluang

kerjasama yang berpotensi pada masa hadapan dan membincangkan inisiatif pembangunan bandar mampan secara langsung yang sejajar dengan fokus penyelidikan BSN.

BSN SCM Ke-7 menegaskan semula visi BSN yang tidak berbelah bahagi untuk

mempromosikan pendidikan dan penyelidikan, yang menyumbang secara bermakna kepada rakyat, ekonomi dan persekitaran Borneo, mengukuhkan kerjasama dalam kalangan Ahli BSN dan meletakkan Borneo sebagai hab untuk transformasi akademik yang memberi kesan dan penglibatan masyarakat.

Kegiatan sabung ayam berjaya ditumpaskan

Siaran Akhbar dan Foto : Pasukan Polis Diraja Brunei

TUTONG, Isnin, 5 Mei. - Dua lelaki tempatan ditahan selepas pegawai dan anggota Balai Polis Tutong, Pasukan Polis Diraja Brunei (PPDB) menyerbu kegiatan sabung ayam yang dijalankan di kawasan tanah lapang milik kerajaan dalam hutan Jalan Nong Janang, Kampung Bukit Udal Tutong.

Serbuan pada 30 April 2025 lalu adalah hasil maklumat dan bantuan daripada Jabatan Perisikan Jenayah (JPJ).

Setibanya di lokasi kejadian, didapati satu kegiatan perjudian sabung ayam dijalankan, lalu serbuan dibuat oleh pihak polis dan berjaya menahan dua suspek berkenaan.

Sejurus menyedari akan kehadiran pihak polis, beberapa orang yang terlibat telah melarikan diri ke dalam hutan.

Hasil serbuan berjaya merampas 12 ekor ayam, tujuh kotak untuk penyimpanan ayam, satu bakul timbangan jenama Camry dan wang tunai milik suspek berjumlah BND255 yang digunakan untuk perjudian sabung ayam.

Kesemua suspek dan barang bukti dibawa ke Ibu Pejabat Daerah Polis Tutong untuk siasatan selanjutnya.

Pertuduhan terhadap kedua-dua suspek dikemukakan di bawah Seksyen 6 (1) Akta Rumah-rumah Perjudian Terbuka Penggal 28.

PPDB akan sentiasa berterusan menjalankan pemantauan dan risikan dengan objektif utama untuk menangani serta membanteras sebarang aktiviti-aktiviti salah yang melanggar akta perundangan di negara ini.

PPDB juga menasihatkan orang ramai untuk menyalurkan apa jua maklumat yang berunsur kegiatan jenayah melalui Talian Kecemasan Polis 993 atau melaporkan ke balai polis yang berdekatan.



ANTARA barang bukti yang berjaya dirampas oleh Pasukan Polis Diraja Brunei (PPDB) semasa menyerbu kegiatan berkenaan di Kampung Bukit Udal Tutong.

BDMD
Brunei Darussalam
Meteorological
Department

NEGERA BRUNEI DARUSSALAM

**PANDU DENGAN PERLAHAN.
KELAJUAN YANG MELEBIHI 80 KM/J
AKAN MENYEBABKAN KENDERAAN
AWDA MELUNCUR**

Perkara ini akan berlaku apabila tayar kenderaan awda tidak dapat mencengkam permukaan jalan raya dan menyebabkan kenderaan akan meluncur ke hadapan

21:49

68

bruneiweather

@brunei.weather

Weather Line 114

www.met.gov.bn



Daripada kemenangan sidang kemuncak kepada kemegahan Tokyo : Perjalanan pencapaian, penemuan

Rencana dan Foto : Ihsan Universiti Islam Sultan Sharif Ali dengan kerjasama Meja Rencana, Seksyen Kandungan Khas, Bahagian Pelita Brunei

NOR Surilawana binti Haji Sulaiman, merupakan staf akademik dan juga pelajar falsafah kedoktoran di Pusat Penyelidikan Halalan Thayyiban (PPHT), Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA), telah meraih kejayaan dengan dinobatkan 'Top 50 World Leader Innovator Awards' di dalam sebuah sidang kemuncak yang berprestij, Japan International Youth Innovation Summit (Sidang Kemuncak Inovasi Belia Antarabangsa Jepun) 2025 pada hari Sabtu, 12 April 2025 di Tokyo International Exchange Centre, Tokyo, Jepun.

Japan International Youth Innovation Summit 2025 merupakan sebuah program yang diadakan selama seminggu. Pada tiga hari pertama iaitu pada 6 hingga 8 April 2025, program dijalankan secara maya melalui platform Zoom Meeting. Selama tiga hari itu, para peserta telah didedahkan dengan beberapa program, antaranya pengucapan umum, Kelas Bahasa Jepun, 'Inovasi dan Startup Mindset', 'Think, Create, Innovate : How to Build Smart Projects with ChatGPT', dan ceramah kepimpinan.

Program dilanjutkan secara fizikal di Tokyo, Jepun selama empat hari, 10 hingga 13 April 2025. Sepanjang di sana, para peserta telah dibawa mengeksplorasi sekitar Tokyo, mengunjungi Universiti Tokyo dan menghadiri sidang kemuncak. Program ini telah menerapkan konsep *edu-tourism* atau pelancongan pendidikan, iaitu satu konsep pelancongan yang menggabungkan perjalanan dengan pembelajaran, memberikan pelancong pengalaman pendidikan yang memberangsangkan dengan memperkaya pengetahuan dan kemahiran mereka. Ia melangkaui persiaran tradisional dengan menawarkan peluang untuk menyelami

budaya, penerokaan sejarah dan pemahaman alam sekitar di samping memperoleh ilmu pengetahuan.

Pengalaman berharga

Pengalaman menyertai program ini dan berada di Jepun, atau dikenali juga dengan nama gelaran 'Negara Matahari Terbit' merupakan satu peluang yang sangat berharga, bermakna dan tiada tolak gantinya. Demikian dikongsi oleh Nor Surilawana, peserta wakil dari Negara Brunei Darussalam.

"Saya menjangkakan sebuah pengalaman pembelajaran dan jaringan profesional. Namun, apa yang saya peroleh adalah pengalaman menyeluruh yang melangkaui anugerah dan pengiktirafan. Gabungan sebenar antara kejayaan dan penemuan budaya," ujarnya lagi.

Menurutnya, peluang menyertai program ini dan penerima *merit scholarship* daripada penganjur serta berasa tinggal di Jepun walau hanya beberapa hari telah meninggalkan seribu kenangan manis sebagai perantau dan pengembara ilmu. Katanya, ia juga tidak akan menjadikan kenyataan tanpa bantuan dan sokongan dari PPHT amnya dan UNISSA khususnya, serta keluarga tersayang.

"Saya sangat terkesima dengan kecantikan dan keindahan flora sepanjang berada di sana. Saya telah menjumpai lebih dari 10 spesies flora yang menemani saya sepanjang perjalanan ke destinasi. Flora di musim bunga ini umpama permaidani berwarna-warni di Tokyo. Daripada kelopak halus hingga bunga yang subur, setiap sudut adalah kanvas keindahan," katanya.

"Kecantikan dan keindahan flora ini menunjukkan kebesaran Allah yang telah mencipta-Nya. Jadi, setentunya kita haruslah

menghargai keindahan ini," tambahnya lagi. Sebagaimana firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Al-Ankabut, ayat 20, menyuruh umatnya untuk melancong dan melihat ciptaan-Nya.

Selain mengagumi keindahan flora di Tokyo, beliau juga berpeluang mengenakan Kimono semasa para delegasi atau peserta dibawa mengeksplorasi sekitar bandar Taito, Tokyo. Kimono merupakan pakaian tradisional Jepun dan juga dianggap sebagai pakaian kebangsaan Jepun. Kimono terkenal dengan reka bentuk, warna dan corak yang rumit, yang boleh menunjukkan status sosial dan acara.

Pembentangan

Pada hari ketiga, seramai 63 peserta yang telah disenarai pendek daripada beribu pemohon telah terpilih untuk membentangkan projek inovasi selama satu minit. Pelbagai projek inovasi yang kreatif, dinamik dan inovatif yang telah dibentangkan oleh 63 peserta mewakili daripada 17 buah negara, antaranya Negara Brunei Darussalam, Malaysia, Singapura, Indonesia, Filipina, Mexico, Peru, Thailand, Taiwan, Myanmar, India, Korea Selatan, Korea Utara, Jepun, Rusia dan Uzbekistan.

Beliau yang membentangkan mengenai pengurusan sisa makanan dan memprosesnya ke satu produk yang bernilai seperti baja dan makanan binatang peliharaan sangat kagum dengan sistem yang telah dipraktikkan di Negara Matahari Terbit ini. Daripada pengalaman ini, ada penambahbaikan yang perlu diterapkan bagi mengurangkan isu sisa-sisa makanan di negara kita untuk kebaikan masyarakat bersama dan generasi seterusnya.

"Apa yang lebih menarik dan membuatkan saya terkesima seketika adalah komitmen Jepun terhadap kelestarian, khususnya sistem pengurusan sisa makanan yang cemerlang.

Tempat pembuangan khusus disediakan bagi sisa makanan. Melihat disiplin masyarakat dalam pemisahan dan kitar semula sisa sangat memberikan inspirasi. Ia menekankan penghormatan mendalam terhadap alam dan sumber, satu falsafah yang perlu kita terapkan dan kembangkan dengan lebih serius di negara kita sendiri, khususnya Brunei," sambungnya.

Adalah juga diharapkan agar golongan belia akan terus berusaha untuk sama-sama belajar, dan berkembang tanpa berputus asa sekali gus mengembangkan sayap ke persada dunia. Peluang akan sentiasa ada jika kita berusaha mencarinya dan memanfaatkannya dengan baik. Jadi, gunakanlah setiap peluang yang diberikan untuk meningkatkan kemahiran dan pengetahuan, kerana belia merupakan aset penting bagi perkembangan negara.

Belia-belie sekarang dipercayai mempunyai fikiran yang lebih inovatif seiring dengan perkembangan teknologi yang pesat. Jadi, golongan belia adalah harapan negara sebagai jentera dalam membangunkan pertumbuhan ekonomi negara sekali gus dan memastikan kehidupan yang lebih baik dan mampan di masa hadapan. Pencapaian belia akan menjadi pemimpin inspiratif kepada golongan belia lainnya, yang secara tidak langsung akan mendorong mereka untuk terus berkembang, berani menghadapi cabaran dan mampu menyesuaikan diri dengan perubahan.

Mengakhiri perkongsian, Nor Surilawana berkata perjalanan ke Jepun ini merupakan satu pengalaman yang mengubah dirinya. Dari segi profesional, menerima Anugerah 50 Inovator Terbaik Dunia telah membakar semangatnya untuk inovasi. Dari segi peribadi pula, menyaksikan penghormatan penduduk Jepun terhadap alam dan kelestarian telah meluaskan pandangannya. Ia mengingatkan beliau firman Allah Subhanahu Wata'ala agar berusaha untuk memelihara dan memulihara alam sekitar ini.





Memahami penyakit asma

HARI Asma Sedunia disambut pada hari Selasa pertama bulan Mei setiap tahun bagi meningkatkan kesedaran masyarakat global terhadap penyakit asma atau lebih dikenali dengan penyakit *ampus* dalam bahasa Brunei. Penyakit asma adalah sejenis penyakit paru-paru kronik yang boleh menjejaskan kualiti hidup penghidapnya sekiranya tidak dikawal dengan baik. Sambutan ini dianjurkan oleh Global Initiative for Asthma (GINA) adalah sebuah organisasi kolaboratif Pertubuhan Kesihatan Sedunia yang ditubuhkan pada tahun 1993 dengan kerjasama pelbagai organisasi kesihatan dan kerajaan di seluruh dunia. Tema Hari Asma Sedunia sering berubah setiap tahun mengikut fokus semasa, namun matlamat utamanya tetap sama iaitu mendidik masyarakat mengenai punca, rawatan serta langkah pencegahan penyakit asma.

Sempena Sambutan Hari Asma Sedunia 2025, GINA telah memilih tema 'Pastikan Rawatan Sedutan Boleh Diakses oleh SEMUA Orang' (Make Inhaled Treatments Accessible for ALL) yang mana tema tersebut menekankan keperluan memastikan semua individu yang menghidap asma dapat mengakses ubat sedutan yang penting bagi mengawal penyakit asma dan merawat serangan asma.

Apa itu asma?

Asma merupakan penyakit radang kronik yang menyerang saluran pernafasan, menyebabkan penghidapnya mengalami kesukaran bernafas. Antara simptom utama

asma termasuklah sesak nafas, batuk berterusan terutama pada waktu malam atau awal pagi, bunyi berdehit (*wheezing*) dan rasa ketat di dada. Serangan asma berlaku apabila saluran udara menjadi sempit akibat keradangan, penghasilan lendir berlebihan dan pengecutan otot-otot di sekitar saluran pernafasan.

Menurut GINA, asma merupakan salah satu penyakit kronik tidak berjangkit yang paling biasa, yang menjejaskan lebih daripada 260 juta orang dan menyebabkan lebih daripada 450,000 kematian setiap tahun di seluruh dunia. Kebanyakan kematian ini sebenarnya boleh dicegah.

Simptom asma yang biasa dialami

Penyakit asma mempunyai pelbagai gejala. Gejala-gejala ini boleh bertahan secara berterusan atau hanya berlaku pada masa-masa tertentu. Tahap gejala juga berbeza-beza daripada ringan hingga teruk. Namun gejala yang biasa dialami dan mudah dikenali adalah seperti berikut :

Batuk yang berterusan, terutama pada waktu malam.

Berdehit apabila menghembus nafas dan kadangkala apabila menarik nafas.

Sesak nafas atau sukar bernafas walaupun ketika berehat.

Sesak dada, menyebabkan sukar untuk bernafas dalam-dalam.

Kepentingan kesedaran awam

Salah satu cabaran utama dalam

Oleh : Nurul Rasyidah Mohamad Rosland
Ilustrasi : Seksyen Reka Kreatif, Bahagian Pelita Brunei

menangani penyakit asma ialah kurangnya kesedaran dalam kalangan masyarakat. Ramai pesakit tidak mendapatkan diagnosis yang betul atau mengabaikan gejala awal. Ini menyebabkan rawatan tertangguh, dan dalam kes tertentu, membawa kepada komplikasi yang serius seperti kegagalan pernafasan.

Hari Asma Sedunia menjadi platform penting untuk mendidik orang ramai tentang pentingnya pengesanan awal dan rawatan berkala. Pihak berkuasa kesihatan biasanya akan mengadakan taklimat, kempen serta program kesedaran awam di sekolah, hospital dan media sosial. Objektif utama adalah untuk membantu pesakit asma supaya mereka dapat mengawal penyakit ini dengan baik dan menjalani kehidupan yang sihat serta aktif.

Adakah alahan berkaitan dengan asma?

Jawapannya adalah ya. Asma boleh dicituskan oleh bahan-bahan dalam persekitaran yang dikenali sebagai alergen. Beberapa alergen di dalam rumah berasal daripada hama habuk, lipas, anjing, kucing, tikus, acuan (*molds*) dan kulat. Alergen di luar rumah pula termasuk debunga (*pollen*) daripada pelbagai jenis pokok, lalang dan rumput. Malah alahan terhadap makanan juga boleh menyebabkan gejala asma. Pencemaran di luar rumah memainkan

peranan utama, begitu juga asap rokok. Kanak-kanak yang terdedah kepada pencemaran berisiko tinggi untuk menghidap asma. Pesakit asma pula lebih mudah mengalami serangan apabila terdedah kepada pencemaran. Oleh itu, pesakit asma tidak digalakkan melakukan aktiviti fizikal di luar rumah semasa hari pencemaran tinggi.

Penutup

Hari Asma Sedunia memberi peluang kepada semua pihak termasuk kerajaan, badan bukan kerajaan, sektor kesihatan dan individu untuk berganding bahu dalam meningkatkan kualiti hidup pesakit asma. Melalui pendidikan, penyelidikan dan penglibatan masyarakat, diharapkan penyakit asma bukan sahaja dapat dikawal, malah dicegah daripada terus menjejaskan generasi akan datang.

Asma bukanlah penghalang kepada kehidupan yang sihat dan aktif sekiranya ia dikawal dengan betul. Dengan kesedaran yang tinggi, sokongan masyarakat serta rawatan berterusan, pesakit asma mampu mencapai kualiti hidup yang baik. Marilah kita semua mengambil peluang sempena Hari Asma Sedunia ini untuk mendidik diri dan orang sekeliling tentang pentingnya kesihatan pernafasan, demi kesejahteraan bersama.

PROMOSI GANJARAN BERSAMA SHELL TAWARKAN HADIAH MENARIK



SEKITAR Sidang Media Ganjaran Bersama Shell (Rewards with Shell-RWS), bertempat di Bilik Muzakarah, Bangunan Persekutuan Guru-Guru Melayu Brunei (atas dan kanan).



Oleh : Haniza Abdul Latif
Foto : Dk. Nur Hafilah Pg. Osman

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 5 Mei. - Brunei Shell Marketing Company Sendirian Berhad (BSM) melancarkan promosi Ganjaran Bersama Shell (Rewards with Shell-RWS), satu evolusi daripada kempen 'Rewarding Journeys With Shell'.

Bermula dari 5 Mei 2025 hingga 5 November 2025, RWS memberikan peluang kepada setiap pelanggan untuk memenangi hadiah-hadiah menarik apabila membeli pelincir Shell terpilih daripada BSM.

Perkara tersebut diumumkan oleh Ketua Bahagian Komersial, Dayang Erdina Rahim semasa Sidang Media RWS bertempat di Bilik Muzakarah, Bangunan Persekutuan Guru-Guru Melayu Brunei, di sini.

Setiap botol yang dibeli jelasnya, berpotensi menjadi tiket bertuah kepada ganjaran hebat - menjadikan pemanduan harian satu perjalanan yang berbaloi

bersama Shell.

"Di BSM, kami berusaha untuk memastikan pelanggan kami sentiasa mendapat akses kepada pelincir Shell yang tulen dan berkualiti tinggi.

"Melalui RWS, kami ingin menjadikan perjalanan mereka bukan sahaja lancar dan selamat, tetapi juga diraikan kerana setiap perjalanan bersama Shell layak diberi ganjaran," katanya.

Menurutnya lagi, terdapat tiga pusingan cabutan hadiah, termasuk hadiah utama iaitu pakej percutian untuk dua orang ke destinasi menarik seperti Tokyo, Jakarta dan Kuala Lumpur.

Selain itu ujaranya, pelanggan juga berpeluang memenangi hadiah-hadiah menarik lain termasuk baucar membeli-belah bernilai BND1,000 dan servis kenderaan percuma selama satu tahun bernilai sehingga BND1,000.

Cabutan hadiah pertama

terangnya, akan berlangsung pada bulan Jun, diikuti oleh cabutan kedua pada September dan cabutan akhir pada November.

Menurutnya lagi, kempen tersebut juga menekankan kepentingan membeli pelincir Shell tulen yang dibekalkan oleh BSM - satu-satunya pengedar sah di Negara Brunei Darussalam.

Pelanggan tambahnya, digalakkan untuk mencari stiker 'Untuk Pasaran Brunei' yang menjadi tanda ketulenan produk, dan setiap stiker mengandungi Kod QR unik yang boleh diimbas untuk mengesahkan ketulenan produk, dan digunakan untuk menyertai cabutan hadiah RWS.

Inisiatif ini katanya, memastikan pelanggan hanya menggunakan produk yang tulen dan berkualiti tinggi, sambil berpeluang memenangi ganjaran hebat.

Sementara itu, Pelaksana Kecemerlangan Pelanggan (Customer Excellence Implementer), Awang Waliyuddin Zaini, pula berkata, di BSM, mereka komited untuk menghargai

kesetiaan pelanggan sambil menegaskan kepentingan penggunaan pelincir Shell yang tulen dan berkualiti tinggi.

RWS tegasnya, bukan sekadar promosi - ia adalah satu penghargaan terhadap kepercayaan pelanggan dalam perjalanan mereka.

Orang ramai yang ingin menyertai promosi tersebut bolehlah mengunjungi mana-mana stesen Shell, bengkel atau pengedar kenderaan yang mengambil bahagian untuk membeli pelincir Shell, servis kenderaan mereka, dan mereka akan layak menyertai cabutan hadiah selepas pendaftaran.

Setiap transaksi yang layak membawa awda lebih dekat kepada ganjaran yang menakjubkan.

BSM teruja untuk menawarkan hadiah-hadiah menarik ini sebagai sebahagian daripada promosi peringkat kebangsaan.

MENGIMBAS Kod QR bagi mengesahkan ketulenan produk.

Untuk maklumat lanjut mengenai promosi ini termasuk senarai lokasi yang mengambil bahagian, terma dan syarat serta produk pelincir Shell yang layak, layari media sosial BSM di Instagram @bruneishellmarketing atau laman sesawang BSM di www.bsm.com.bn.



ALAI PINTAR 148

SOALAN 7 MEI 2025, RABU

Pilih jawapan yang sesuai bagi setiap soalan.

- Ketua dalam keluarga ialah?
 - Ibu
 - Bapa
 - Cikgu
- $12345678 \times 0 =$ _____
 - 100
 - 550
 - 0
- Apa yang dimaksudkan dengan simpulan bahasa 'Makan suap'?
 - Menerima rasuah
 - Makan malam
 - Makan hati

TARIKH TUTUP : 17 MEI 2025

HADIAH PEMENANG

- ALAI YANG BERJAYA DIHADKAN UNTUK TIGA ORANG SAHAJA, UNDIAN AKAN DILAKUKAN JIKA RAMAI DALAM KALANGAN ALAI YANG MENJAWAB DENGAN TEPAT.
- ALAI AKAN MENERIMA HADIAH BAUCER.

PEMENANG ALAI PINTAR 147 :

Nama : Ak. Muhd Shahibul Akbar Hidayat bin Pg. Adanan
No. Surat Beranak / Kad Pengenalan : 0117877-01. Sekolah : Sekolah Rendah Lambak Kanan, Jalan 49

Nama : Siti Adawiyah Nazirah binti Radzli
No. Surat Beranak / Kad Pengenalan : 0130948-01. Sekolah : Sekolah Rendah Sultan Abdul Bubin, Sungai Besar

Nama : Nur'Anis Shadrina binti Aftfhaizul Hafidz
No. Surat Beranak / Kad Pengenalan : 0128977-01. Sekolah : Sekolah Rendah Jerudong

SYARAT PERADUAN

- Jika Alai berumur 12 tahun ke bawah dan murid sekolah rendah mahupun menengah kerajaan atau swasta, maka Alai dibenarkan menjawab soalan
- Alai dibenarkan menghantar SATU penyertaan sahaja ke :
 - Sidang Pengarang, ALAI PINTAR Bahagian PELITA BRUNEI, Jabatan Penerangan, Lapangan Terbang Lama, Berakas, Bandar Seri Begawan, BB3510 Negara Brunei Darussalam
 - Kaunter Cawangan Penerangan Daerah Belait;
 - Kaunter Cawangan Penerangan Daerah Tutong; dan
 - Kaunter Cawangan Penerangan Daerah Temburong.
- Alai juga boleh menggambar borang jawapan dan menghantar terus melalui aplikasi Whatsapp ke talian +673 7293554 atau emel ke pelita.brunei@information.gov.bn
- Alai mestilah mengisikan maklumat di bawah dengan betul dan lengkap

Nama :
Tarikh Lahir :
No. Surat Beranak / Kad Pengenalan :
Sekolah :
Tahun :
Alamat :
Nombor Telefon (mudah dihubungi) :

JAWAPAN UNTUK SOALAN ALAI PINTAR 147

- A - 10, 190
- B - Sejuk
- C - Kucing

KETUA PBB SERU HINDARI KETEGANGAN KONFLIK INDIA-PAKISTAN



NEW DELHI, 6 Mei. - Setiausaha Agung Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB), Antonio Guterres pada Isnin menggesa keamanan di tengah-tengah ketegangan yang semakin meningkat antara India dan Pakistan, sambil menyuarakan kebimbangan terhadap perkembangan terkini di Asia Selatan.

Beliau berkata PBB bersedia untuk menyokong sebarang inisiatif yang dapat menyumbang kepada meredakan ketegangan dan usaha diplomatik.

Bercakap kepada wartawan di luar Majlis Keselamatan di Ibu Pejabat PBB di New York, Guterres menyuarakan kebimbangan terhadap peningkatan ketegangan susulan serangan baru-baru ini di Kashmir yang ditadbir India.

"Saya amat sedih melihat hubungan kedua-dua negara sampai ke tahap ini.

"Saya sekali lagi mengutuk sekeras-kerasnya serangan itu dan mengucapkan takziah kepada keluarga mangsa," kata Ketua PBB itu sambil menyatakan bahawa beliau memahami "emosi yang tercetus" susulan serangan di Pahalgam pada 22 April lalu.

Guterres menegaskan kepentingan mengelakkan sebarang konflik ketenteraan.

"Adalah amat penting - terutamanya pada saat genting ini untuk mengelak daripada konfrontasi ketenteraan yang boleh dengan mudah tercetus di luar kawalan.

"Kini adalah masanya untuk menunjukkan tahap berhemah tertinggi dan mengelakkan

bahaya.

"Penyelesaian ketenteraan bukanlah satu penyelesaian," tegas Guterres, sambil menyokong gesaan antarabangsa agar ketegangan diturunkan.

Majlis Keselamatan PBB mengadakan mesyuarat tertutup pada Isnin bagi membincangkan situasi antara kedua-dua negara berkenaan.

Iran juga kini giat berusaha dengan Pakistan dan India dalam mencari jalan meredakan ketegangan.

Situasi serantau itu dilaporkan menjadi antara topik utama dalam perbincangan Menteri Luar Iran, Abbas Araghchi bersama pemimpin Pakistan di Islamabad pada Isnin.

Kedutaan Iran di New Delhi memaklumkan bahawa Araghchi

dijadual ke India pada Khamis ini. Malaysia turut menawarkan bantuan bagi meredakan ketegangan di Asia Selatan.

Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim berkata Malaysia kekal terbuka untuk memainkan peranan secara konstruktif sekiranya diperlukan.

"Kami percaya hubungan akrab Malaysia dengan Pakistan dan

India meletakkan kita pada kedudukan yang sesuai untuk menyokong usaha ke arah keamanan dan kestabilan serantau," kata Anwar. - ©BERNAMA

Setiausaha Agung ASEAN, Utusan Khas PM Jepun bincang peralihan tenaga dan matlamat iklim

JAKARTA, 5 Mei. - Setiausaha Agung ASEAN Dr Kao Kim Hourn pada Isnin mengakui cabaran yang dihadapi oleh negara Asia Tenggara dan Jepun dalam mengimbangi matlamat pelepasan sifar bersih dengan keselamatan tenaga serta permintaan tenaga yang semakin meningkat.

Ketika berucap di Ibu Pejabat ASEAN di sini semasa pertemuan dengan bekas Perdana Menteri Jepun Fumio Kishida, yang juga Utusan Khas Perdana Menteri Jepun, Kao menekankan kepentingan strategi peralihan tenaga pelbagai aspek di rantau ini.

"Kerjasama kami mengenai peralihan tenaga bersih adalah penting, merangkumi bukan sahaja tenaga boleh diperbaharui dan kecekapan yang dipertingkatkan, tetapi juga teknologi penyahkarbonan kritikal seperti CCUS

(Pemerangkapan, Penggunaan dan Penyimpanan Karbon), ammonia dan hidrogen," katanya.

Pertemuan itu dihadiri pegawai kanan Jepun termasuk Duta Jepun ke ASEAN Kiyu Masahiko dan Penasihat Khas Komuniti Pelepasan Sifar Asia (AZEC) Yamada Takio.

Kao pada masa sama menekankan perkongsian jangka panjang Jepun dengan ASEAN, dengan menyatakan sumbangan Jepun kepada Dana Integrasi Jepun-ASEAN, Perjanjian Kerjasama Teknikal ASEAN-Jepun dan Institut Penyelidikan Ekonomi untuk ASEAN dan Asia Timur (ERIA).

Beliau mengalu-alukan sokongan berterusan Jepun untuk Pemusatan ASEAN melalui penyertaannya dalam rangka kerja serantau seperti Pandangan ASEAN mengenai Indo-Pasifik (AOIP).

Kedua-dua pihak turut mengesahkan komitmen mereka terhadap matlamat bersama yang digariskan dalam Sidang Kemuncak Peringatan 2023 di Tokyo, termasuk kerjasama yang lebih mendalam mengenai perubahan iklim, kelestarian alam sekitar dan peralihan tenaga.

Kepimpinan Jepun dalam teknologi bersih dan peranannya dalam melancarkan inisiatif AZEC diiktiraf sebagai kunci dalam memajukan usaha penyahkarbonan serantau.

Kao menyatakan bahawa hampir semua negara anggota ASEAN kini menyertai AZEC secara aktif.

"Jepun terus menjadi satu daripada rakan kongsi ASEAN yang paling dipercayai dan dihargai," katanya sambil merujuk hubungan erat dalam kerjasama ekonomi, pelaburan dan pembangunan modal insan. - ©BERNAMA

Kemboja tolak pelaburan rokok elektronik - PM Hun Manet

PHNOM PENH, 5 Mei. - Perdana Menteri Kemboja Hun Manet menggesa pihak berkuasa agar mengambil tindakan tegas terhadap rokok elektronik memandangkan semakin ramai pelajar mula terpengaruh dengan tabiat itu.

Beliau turut menegaskan bahawa pelaburan dalam pengeluaran rokok elektronik tidak dialu-alukan di Kemboja.

Bercakap semasa pelancaran rasmi Pelan Kawalan Kanser Kebangsaan 2025-2030, Hun Manet berkata negara itu menawarkan banyak peluang

pelaburan lain yang lebih sesuai dan bermanfaat kepada para pelabur.

Menurut laporan media rasmi Agence Kampuchea Presse, beliau menegaskan bahawa syarikat tidak dibenarkan menghasilkan rokok elektronik di Kemboja.

"Jika pelabur datang dengan jenis pelaburan lain, saya alu-alukan. Tetapi bagi rokok elektronik, Kemboja boleh kata tak perlu - sila pergi ke tempat lain.

"Tolong jangan fikir merokok atau menghisap vape itu satu gaya. Sebaliknya, beri tumpuan kepada pelajaran dan berusaha

untuk menjadi insan yang dikenang atas pencapaian anda," katanya dalam ucapannya di ibu negara pada Isnin.

Pelancaran Pelan Kawalan Kanser Kebangsaan memperkukuh komitmen kerajaan Kemboja terhadap pencegahan dan pengurusan penyakit itu di negara berkenaan.

Menurut statistik Kementerian Kesihatan Kemboja, negara itu mencatat kira-kira 20,000 kes kanser setiap tahun, dengan sekitar 14,000 kematian berkaitan kanser direkodkan setiap tahun. - ©BERNAMA

LG Electronics sasar kutip 8 juta tan barangan lama untuk kitar semula menjelang 2030

SEOUL, 6 Mei. - Syarikat gergasi peralatan rumah Korea Selatan, LG Electronics Inc. menyasarkan untuk mengumpul sebanyak 8 juta tan barangan lama untuk dikitar semula menjelang 2030 sebagai sebahagian daripada usaha menggalakkan ekonomi kitaran, menurut pegawai syarikat pada Selasa.

Syarikat itu berjaya mengumpulkan sejumlah 5 juta tan barangan terpakai dari seluruh dunia sejak 2006 bagi tujuan itu, lapor Agensi Berita Yonhap.

Sempena Hari Bumi pada 22 April lalu, syarikat itu turut berjaya mengutip sebanyak 2,850 kilogram alat elektronik dan peralatan rumah yang dibuang oleh kakitangannya di Korea Selatan.

Di bawah visi alam sekitar, sosial dan tadbir urus (ESG) bertemakan "Better Life for All," LG Electronics melaksanakan program kutipan dan kitar semula peralatan rumah lama di 54 negara termasuk Amerika Syarikat, Poland, Republik Czech, Jerman, Filipina, Emiriah Arab Bersatu dan Nigeria.

LG Electronics memaklumkan inisiatif itu membolehkan syarikat mengurangkan pelepasan karbon serta menyumbang kepada ekonomi kitaran dengan mengasingkan bahagian yang boleh diguna semula daripada produk elektronik terpakai dan memprosesnya kembali.

"Kami merancang untuk menggunakan kira-kira 600,000 tan plastik kitar semula dalam pengeluaran produk kami antara 2021 hingga 2030," kata seorang pegawai syarikat. - ©BERNAMA

Trump umum tarif 100 peratus terhadap filem luar negara

WASHINGTON, 5 Mei. - Presiden Amerika Syarikat (AS), Donald Trump mengumumkan rancangan untuk mengenakan tarif sebanyak 100 peratus ke atas semua filem yang dihasilkan di luar negara, lapor Anadolu Ajansi (AA).

Dalam satu kenyataan yang dimuat naik di platform Truth Social pada Ahad, Trump berkata langkah itu bertujuan melindungi industri perfileman domestik yang dikatakan sedang mengalami kemerosotan ketara.

"Saya mengarahkan Jabatan Perdagangan dan Wakil Perdagangan AS untuk segera memulakan proses mengenakan tarif 100 peratus ke atas semua filem yang memasuki negara kita dan dihasilkan di luar negara," katanya.

Trump turut menyifatkan insentif luar negara terhadap pembuat filem AS sebagai ancaman terhadap keselamatan negara, dengan mendakwa ia merupakan satu bentuk 'mesej dan propaganda'.

"Hollywood dan banyak sektor lain di AS sedang terjejas teruk. Ini adalah usaha bersepadu oleh negara-negara asing," katanya. - ©BERNAMA

Lelaki ditahan cuba bawa masuk ekspatriat ke Makkah tanpa permit

MAKKAH, 5 Mei. - Pasukan Keselamatan Haji menahan seorang penduduk Ghana kerana cuba membawa masuk empat ekspatriat wanita secara haram ke Makkah yang melanggar peraturan dan arahan haji, lapor Agensi Berita Arab Saudi (SPA).

Lelaki itu yang memandu sebuah bas, dipercayai cuba menyeludup masuk wanita berkenaan ke kota suci tanpa permit haji dengan menyembunyikan mereka di dalam ruang bagasi.

Pemandu dan kesemua penumpang yang ditahan kemudiannya dirujuk kepada jawatankuasa berkaitan untuk tindakan undang-undang. - ©BERNAMA



HARS ELITE JUARA PIALA BPFL 2024/25



HARS Elite dinobatkan sebagai juara kejohanan Brunei Premier Futsal League (BPFL) 2024/2025.

BERAKAS, Isnin, 5 Mei. - Hars Elite dinobatkan sebagai juara kejohanan Brunei Premier Futsal League (BPFL) 2024/2025 setelah memperoleh kelebihan satu jaringan dengan MS PPDB yang berkongsi 19 mata di Dewan Serbaguna Kompleks Sukan Negara Hassanal Bolkiah, Berakas.

Perlawanan terakhir liga kejohanan berkenaan yang berjaya menampilkan persembahan menarik daripada kedua-dua pasukan yang berakhir dengan menyaksikan kedua-dua pasukan terikat dengan jaringan 4 - 4.

Namun, Hars Elite berjaya menjulang Piala BPFL selepas mengutip kelebihan jumlah jaringan untuk meleburkan harapan tinggi MS PPDB yang menjadi naib juara.

"Kejayaan Hars Elite ini merupakan hasil sumbangan dan kerjasama semua pemain dan pihak pengurusan serta kejurulatihan yang padu sebagai tulang belakang pasukan sepanjang liga berlangsung.

"Kejayaan mengekalkan rekod tanpa kalah merupakan satu pencapaian yang boleh dibanggakan," jelas Pengurus Am Hars Elite, Harith Irsyadi

Siaran Akhbar dan Foto : Yakin Football League

Harun. Beliau mengakui walaupun pasukannya merupakan nama baharu dalam kejohanan futsal kebangsaan namun barisan para pemain memiliki pengalaman yang luas dan berpotensi tinggi yang boleh memberi saingan dan cabaran kepada pasukan-pasukan dalam Kumpulan BPFL.

Sebagai perancangan seterusnya, Harith Irsyadi Harun menjelaskan kelab berkenaan kini dalam fasa menambah baik struktur pasukan dan mencari para pemain yang lebih berkualiti untuk bersaing dalam pentas Kumpulan Elite pada musim depan.

Hars Elite yang menjuarai kejohanan BPFL telah menerima trofi, pingat dan cek berupa wang tunai sejumlah BND3,000 yang disampaikan oleh Pengarah Urusan HiTUNE Group of Companies, Pengiran Zamri Pengiran Haji Bujang.

Sementara itu, Ketua Pegawai Eksekutif HiTUNE Group of Companies, Dayang Hernah Nur Imani binti Muhd. Jeffrey pula menyampaikan hadiah-hadiah kepada MS PPDB selaku naib juara.

PES yang menduduki tempat ketiga kejohanan menerima hadiah yang disampaikan oleh Ahli EXCO Persatuan Bola Sepak Brunei Darussalam (FABD), Dayang Hajah Noor Monasaliena binti Haji Mohd. Salleh.

Majlis juga menyaksikan Anugerah Fair Play telah dimenangi oleh MS SSBD yang disampaikan oleh Setiausaha Agung FABD, Awang Ahmad Za'eem bin Omarali.

Sementara itu, Anugerah Penjaga Gol Terbaik telah diberikan kepada penjaga gol MS PPDB, Khairul Anwar Haji Hamidon. Manakala pemain Hars Elite, Maziri Maidin dipilih selaku Pemain Terbaik kejohanan, sementara Nur Yamin Haji Muhammad dari MS PPDB pula menerima Anugerah Penjaring Terbanyak.

BPFL 2024/2025 telah dianjurkan oleh Yakin Football League yang disokong oleh FABD dan telah disertai lapan buah pasukan yang menjadi medan bagi melahirkan pemain berpotensi di samping meningkatkan daya saing pasukan futsal di peringkat kebangsaan.

JADUAL PERLAWANAN BEFL

10TH MEI - 11TH MAY 2025

MPH, BERAKAS | SABTU, 10TH MEI | 7:15 MLM

KOTA RANGER BK FC VS KAMPUNG BUANGKOK FC

UBD, SC | AHAD, 11TH MEI | 9:15 PAGI

KAMPUNG BUANGKOK FC VS MS ABDB

UBD, SC | AHAD, 11TH MEI | 8:00 MLM

SHAH UNITED VS ARBISYAM FC

POWERED BY



MEI 2025 JADUAL PERLAWANAN



PKT FC VS GERGASI FC

JUMAAT, 09 MEI 2025 | 9:00 PAGI
PADANG KOMPLEKS SUKAN TUTONG



SUPASTRIKAS VS SHADA FT

SABTU, 10 MEI 2025 | 4:00 PTG
PADANG KOMPLEKS SUKAN TUTONG



MIRI FA VS SPORT SCHOOL FC

AHAD, 11 MEI 2025 | 4:00 PTG
PADANG KOMPLEKS SUKAN ARENA, SERIA



LIMBANG FA VS KASUKA FC

AHAD 11 MEI 2025 | 4:00 PTG
PADANG FABD A, BERAKAS

@YAKINFOOTBALLLEAGUE



BERITA-BERITA HARIAN BOLEH DIKUTI DI LAMAN SESAWANG : www.pelitabrunei.gov.bn

JAGA HUBUNGAN BAIK DENGAN KELUARGA, SAHABAT DAN ORANG DI SEKELILING KITA